

TERMA & SYARAT KAD PERNIAGAAN PLATINUM CIMB

Notis penting: Anda dinasihatkan supaya membaca dan memahami Terma dan Syarat Kad Perniagaan Platinum CIMB ini sebelum anda memohon, dan jika anda tidak memahami mana-mana bahagian terma dan syarat ini, anda boleh mendapatkan penjelasan Bank mengenai terma dan syarat sedemikian. Terma dan Syarat Kad Perniagaan Platinum CIMB juga terdapat di laman web Bank di www.cimb.com.my/business.

Dengan menandatangani borang pencalonan dan/atau menggunakan Kad dan sebagai balasan kepada Bank yang bersetuju untuk menyediakan kemudahan yang ditawarkan oleh Kad kepada Syarikat dan Pemegang Kad, Syarikat dan Pemegang Kad bersetuju untuk terikat dengan Perjanjian ini.

TAKRIF

1. Dalam Perjanjian ini, kecuali dinyatakan sebaliknya:

- (a) **"Notis Terdahulu Yang Mencukupi"** bermaksud tempoh notis empat belas (14) hari kalendar, yang akan disifatkan sebagai notis yang mencukupi kepada Syarikat dan Pemegang Kad;
- (b) **"Perjanjian"** bermaksud Terma dan Syarat BusinessCard Platinum, Terma dan Syarat Rebat Tunai, Terma dan Syarat Insurans Kemalangan Diri Perjalanan, Terma dan Syarat untuk Penghantaran Penyata E-mel kepada Pemegang Kad (jika berkenaan), apa-apa perjanjian lain antara Syarikat, Pemegang Kad dengan Bank dan yang ditambah atau dipinda dari semasa ke semasa;
- (c) **"ATM"** bermaksud mesin teler automatik
- (d) **"Bank"** bermaksud CIMB BANK BERHAD [No. Pendaftaran 197201001799 (13491-P)] yang pejabat berdaftar di Tingkat 13, Menara CIMB, Jalan Stesen Sentral 2, Kuala Lumpur Sentral, 50470 Kuala Lumpur dan tempat perniagaannya di Tingkat 2, Menara SBB, 83 Medan Setia 1, Plaza Damansara, Bukit Damansara, 50490 Kuala Lumpur dan termasuk pengganti hak milik dan pemegang serah hak;
- (e) **"Mata Wang Pembilan"** bermaksud mata wang pembilan dalam Ringgit Malaysia dan termasuk singkatananya **"RM"**;
- (f) **"Kad"** bermaksud kad kredit MasterCard Platinum Business atau kad kredit Mastercard lain yang dikeluarkan oleh Bank di bawah kategori Perniagaan Platinum atau kategori atau jenama lain yang mungkin diperkenalkan atau digantikan oleh Bank dari semasa ke semasa dan boleh termasuk apa-apa Kad yang dikeluarkan melalui gabungan atau persekutuan dengan mana-mana pihak ketiga dan/atau Kad yang dikeluarkan di bawah apa-apa produk atau nama pilihan atau rujukan apabila konteksnya membenarkan;
- (g) **"Pemegang Kad"** bermaksud penama yang diberi kuasa yang dinamakan pada Kad dan boleh termasuk waris, wakil peribadi dan pengganti hak miliknya;
- (h) **"Akaun Lain Pemegang Kad"** bermaksud akaun perbankan atau akaun lain Pemegang Kad dengan Bank selain Akaun Mastercard dan termasuk akaun bersama Pemegang Kad dengan pihak ketiga;
- (i) **"Penyata Disatukan"** bermaksud penyata yang disatukan secara berkala berkenaan amaun yang didebitkan ke Akaun Mastercard Pemegang Kad yang dikeluarkan oleh Bank kepada Syarikat yang menunjukkan *antara lain* amaun disatukan yang dicaj oleh Pemegang Kad dan tarikh matang pembayaran berkenaan dengan amaun tersebut;
- (j) **"Syarikat"** bermaksud syarikat atau entiti perniagaan yang memohon Akaun Utama dan Akaun Mastercard dan boleh termasuk pengganti hak milik dan penyerah hak seperti yang dikehendaki konteks;
- (k) **"Akaun Lain Syarikat"** bermaksud akaun perbankan atau akaun lain Syarikat dengan Bank selain Akaun Utama dan Akaun Mastercard dan termasuk apa-apa akaun bersama dengan pihak ketiga;
- (l) **"Caj Kewangan"** dan **"Bayaran Minimum Yang Kena Dibayar"** bermaksud caj kewangan dan bayaran minimum yang kena dibayar seperti dinyatakan dalam Fasal 13 (*Caj Kewangan*) Perjanjian ini;
- (m) **"Caj Pengendalian"** dan **"Caj Tambahan"** bermaksud caj pengendalian dan caj tambahan seperti yang dinyatakan dalam Fasal 8 (*Yuran dan Caj*) Perjanjian ini;
- (n) **"Caj Lewat Bayar"** bermaksud caj lewat bayar seperti yang dinyatakan dalam Fasal 14 (*Caj Lewat Bayar*) Perjanjian ini;

- (o) **"Akaun Mastercard"** bermaksud akaun Kad bagi Pemegang Kad seperti yang dikehendaki oleh konteks, yang padanya semua pembayaran untuk pembelian barangan dan/atau perkhidmatan dan pendahuluan wang tunai yang berlaku daripada penggunaan Kad dan semua yuran tahunan, cukai Kerajaan, caj pengendalian, caj kewangan dan/atau caj lewat bayar didebitkan;
- (p) **"Nombor Akaun Mastercard"** bermaksud nombor akaun yang diperuntukkan pada Kad dan dicetak timbul pada Kad;
- (q) **"MCI"** bermaksud Mastercard Worldwide, sebuah syarikat yang ditubuhkan di Negeri Delaware, mempunyai pejabat dan tempat perniagaan utamanya di 2000 Purchase Street, Purchase, New York, NY 10577-2509, Amerika Syarikat yang mana Bank merupakan institusi anggota;
- (r) **"Saudagar"** adalah termasuk semua saudagar yang membekalkan barangan dan/atau perkhidmatan;
- (s) **"Peranti Mudah Alih"** bermaksud peranti mudah alih Pemegang Kad yang mengandungi SIM (modul identiti pelanggan) untuk nombor yang didaftarkan dengan Bank;
- (t) **"Baki Baru"** bermaksud amaun penuh yang ditunjukkan sebagai kena dibayar dalam Penyata;
- (u) **"Kata Laluan Satu Kali"** atau **"OTP"** atau **"Kod Pengesahan Urus Niaga"** atau **"TAC"** (mengikut mana-mana yang berkenaan) bermaksud kod yang dihantar kepada Peranti Mudah Alih Pemegang Kad atau Peranti Utama, yang perlu dimasukkan untuk mengesahkan identiti Pemegang Kad dan/atau untuk membenarkan urus niaga tertentu oleh Pemegang Kad;
- (v) **"PIN"** bermaksud nombor pengenalan peribadi Pemegang Kad;
- (w) **"Peranti Utama"** bermaksud peranti yang padanya Pemegang Kad telah mengaktifkan Aplikasi CIMB Clicks atau Aplikasi CIMB EVA (mengikut mana-mana yang berkenaan). Jika Pemegang Kad telah mengaktifkan Aplikasi CIMB Clicks atau Aplikasi CIMB EVA pada pelbagai peranti, maka peranti utama ialah peranti terakhir yang Aplikasi CIMB Clicks atau CIMB EVA diaktifkan;
- (x) **"Yuran Penggantian Kad"** bermaksud yuran yang perlu dibayar oleh Pemegang Kad dan/atau Syarikat untuk menggantikan Kad;
- (y) **"Penyata"** bermaksud Penyata Kad berkala yang dikeluarkan oleh Bank kepada Pemegang Kad yang menunjukkan *antara lain* amaun yang dicaj, tarikh matang bayaran; dan
- (z) **"Hari Bekerja"** bermaksud hari perniagaan (bukan hari Sabtu atau Ahad atau Cuti Umum) yang padanya bank, yang berlesen untuk menjalankan perniagaan perbankan di bawah peruntukan Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 ("FSA"), dibuka untuk perniagaan di Kuala Lumpur.

1A. Melainkan jika diperuntukkan sebaliknya, terma dan syarat dalam Perjanjian ini akan mengatasi apa-apa representasi yang terkandung dalam apa-apa bahan promosi atau pengiklanan lain yang mengiklankan Kad tersebut.

PENGELUARAN KAD DAN KEMUDAHAN YANG ADA

- 2. Setelah Bank meluluskan permohonan Akaun Utama, Syarikat boleh melalui penandatanganan yang diberi kuasa mencalonkan penama/penama-penama yang diberi kuasa untuk menerima Kad yang dikeluarkan atas nama beliau sebagai Pemegang Kad. Syarikat dan Pemegang Kad yang dicalonkan dikehendaki menandatangani borang pencalonan yang ditetapkan oleh Bank untuk membolehkan Kad dikeluarkan kepada Pemegang Kad untuk menggunakan kemudahan yang disediakan oleh Bank dari semasa ke semasa mengikut budi bicaranya termasuk tetapi tidak terhad kepada yang berikut:
 - (a) pembayaran untuk apa-apa pembelian barangan dan/atau perkhidmatan, yang pembayarannya boleh dicajkan kepada Akaun Mastercard;
 - (b) pendahuluan tunai seperti yang dinyatakan di bawah Fasal 12 (*Pendahuluan Tunai/Pengeluaran Tunai*) Perjanjian ini;
 - (c) perkhidmatan pembayaran automatik (**"Perkhidmatan Pembayaran Automatik"**) yang dengannya semua amaun terhutang dan kena bayar pada bil rasmi Pemegang Kad daripada saudagar yang diiktiraf dan diluluskan oleh Bank atas budi bicara mutlaknya dibayar oleh Bank dan didebitkan daripada Akaun Mastercard Pemegang Kad; dan/atau
 - (d) kemudahan lain, tertakluk kepada pengaturan bertulis terlebih dahulu dengan Bank.

KAD DENGAN CIRI URUS NIAGA TANPA SENTUH DIAKTIFKAN

- 2A. (a) Pemegang Kad mengakui bahawa Kad tertentu yang dikeluarkan oleh Bank akan menggabungkan ciri-ciri yang membolehkan Kad

digunakan untuk membayar barangan dan perkhidmatan dengan cara mengetik atau melambai Kad pada pembaca/terminal tanpa sentuh ("Urus Niaga Tanpa Sentuh"). Kad ini dan peranti dan terminal yang berkaitan mungkin mempunyai logo atau jenama tertentu yang boleh diputuskan oleh Bank atau MCI dari semasa ke semasa.

- (b) Urus Niaga Tanpa Sentuh yang tidak melebihi amaun yang boleh dari semasa ke semasa ditentukan oleh Bank, boleh diproses dan Akaun Mastercard Pemegang Kad didebitkan dengan amaun Urus Niaga Tanpa Sentuh tanpa memerlukan:

- (i) Kad dileret pada pembaca jalur magnetik;
- (ii) cip Kad dibaca oleh terminal cip; atau
- (iii) tandatangan Pemegang Kad atau memasukkan nombor PIN Pemegang Kad untuk membenarkan urus niaga.

Dengan menerima Kad yang boleh digunakan untuk Urus Niaga Tanpa Sentuh dan menggunakannya untuk melaksanakan Urus Niaga Tanpa Sentuh atau dalam apa jua cara lain (termasuk menggunakannya secara konvensional dengan meleretnya pada pembaca jalur magnetik atau pada pembaca cip atau selainnya) Pemegang Kad mengaku janji untuk menggunakan Kad itu mengikut terma dan syarat dalam Perjanjian ini dan terikat dengannya.

- (c) Tanpa prasangka kepada perkara sebelum ini, Syarikat mengaku janji untuk bertanggungjawab atas semua Urus Niaga Tanpa Sentuh yang berlaku menggunakan Kad dan diposkan ke Akaun Mastercard Pemegang Kad. Semua Urus Niaga Tanpa Sentuh akan dianggap telah diberi kuasa dengan betul oleh Pemegang Kad melainkan jika Pemegang Kad boleh menunjukkan bukti yang sebaliknya. Sehubungan itu, Pemegang Kad dan Syarikat mengakui mudahnya Urus Niaga Tanpa Sentuh yang tidak dibenarkan boleh dilaksanakan dan menerima risiko itu.

2B. Perkhidmatan Pembayaran Automatik

- (a) Semua amaun terhutang dan kena dibayar kepada saudagar akan dibayar dengan serta-merta oleh Bank apabila Bank menerima bil-bil saudagar atau permintaan lain untuk pembayaran. Arahan terdahulu Syarikat, jika ada, kepada:
- (i) bank dan/atau institusi kewangan lain untuk membayar saudagar; dan/atau
 - (ii) saudagar untuk mengecaj jumlah yang terhutang dan kena dibayar kepada akaun Syarikat yang disenggarakan dengan bank dan/atau institusi kewangan lain,

akan dianggap batal dan Syarikat hendaklah dengan serta-merta memberitahu saudagar dan/atau bank atau institusi kewangan yang lain itu mengenai perubahan arahan pembayaran Syarikat.

- (b) Dalam menyediakan Perkhidmatan Pembayaran Automatik, Bank tidak bertanggungjawab terhadap:
- (i) melaksanakan pembayaran apa-apa caj kepada saudagar tepat pada masanya dan dalam hal ini, Pemegang Kad dan Syarikat tidak boleh mempertanggungjawabkan Bank atas apa-apa kesilapan, pengabaian, penolakan atau peninggalan untuk membayar atau menaguhkan pembayaran semua atau apa-apa caj kepada saudagar kecuali jika perkara itu berlaku secara langsung akibat penipuan, kecuaiian melampau atau keingkaran sengaja oleh Bank;
 - (ii) kerugian yang ditanggung oleh Pemegang Kad dan Syarikat apabila Bank telah membuat pembayaran kepada saudagar dengan suci hati;
 - (iii) membayar semua atau apa-apa caj kepada saudagar apabila tiada had kredit dalam akaun Pemegang Kad dan/atau Syarikat atau jika ada tetapi had kredit tidak mencukupi di dalam akaun Pemegang Kad dan/atau Syarikat atau apabila penggunaan Kad oleh Pemegang Kad ditamatkan atau digantung atas apa jua sebab atau apabila Kad tidak diperbaharui atau diganti, mengikut mana yang berkenaan, atau jika Bank atas budi bicara munasabahnyanya memutuskan bahawa keadaan mewajarkan pembayaran tidak dibuat; dan/atau
 - (iv) membayar apa-apa caj kepada saudagar yang Pemegang Kad atau Syarikat telah mengarahkan Bank untuk menghentikan pembayaran atau membatalkan atau menamatkan Perkhidmatan Pembayaran Automatik melainkan jika berlaku secara langsung penipuan, kecuaiian melampau atau keingkaran sengaja oleh Bank.

Syarikat hendaklah pada setiap masa bertanggungjawab sepenuhnya dan bertanggungjawab untuk membayar semua caj yang kena dibayar dan terhutang kepada saudagar secara langsung dan Bank tidak akan pada bila-bila masa berkewajipan memaklumkan kepada Pemegang Kad atau

Syarikat apa-apa ketakbayaran oleh Bank untuk semua atau apa-apa caj yang disebut sebelum ini. Sekiranya berlaku ketakbayaran oleh Bank apa-apa caj yang terhutang dan kena dibayar kepada saudagar, Pemegang Kad dan/atau Syarikat hendaklah menyelesaikan pembayaran yang belum dijelaskan itu dengan saudagar secara langsung. Sekiranya nombor Kad Pemegang Kad berubah, Pemegang Kad hendaklah bertanggungjawab memaklumkan kepada saudagar perubahan pada nombor Kad. Pemegang Kad dan/atau Syarikat memberi kuasa kepada Bank untuk membuat bayaran kepada saudagar dengan mengecaj bayaran yang dibilkan oleh saudagar kepada nombor Kad Pemegang Kad sebelumnya, dengan mendebit amaun itu yang dibilkan daripada akaun atau nombor Kad baru Pemegang Kad tanpa persetujuan selanjutnya Pemegang Kad. Bagaimanapun, tanpa mengambil kira kebenaran Pemegang Kad dan/atau Syarikat yang disebut sebelum ini kepada Bank, Bank tidak diwajibkan untuk melakukan bayaran sedemikian kepada saudagar.

- (c) Sekiranya terdapat had kredit tetapi ia tidak mencukupi dalam akaun Pemegang Kad untuk membayar caj semua saudagar, Bank boleh:
- (i) memilih untuk tidak membuat apa-apa bayaran kepada semua atau mana-mana saudagar yang jika ini berlaku, Pemegang Kad dan/atau Syarikat akan menyelesaikan semua pembayaran tertunggak dengan saudagar secara langsung; atau
 - (ii) mengikut budi bicaranya menentukan susunan keutamaan bayaran caj mana-mana saudagar yang difikirkan sesuai oleh Bank yang jika ini berlaku Pemegang Kad dan/atau Syarikat akan menyelesaikan semua pembayaran tertunggak dengan saudagar yang berkaitan secara langsung yang cajnya terhutang oleh Pemegang Kad dan/atau Syarikat.
- (d) Syarikat hendaklah menanggung rugi Bank terhadap apa-apa kerugian, kos, kerosakan, perbelanjaan, tuntutan atau permintaan (termasuk belanja guaman untuk peguamcara dan klien dan asas tanggung rugi penuh) yang mungkin dialami atau ditanggung oleh Bank akibat menyediakan Perkhidmatan Pembayaran Automatik kepada Pemegang Kad melainkan jika kerugian, kos, kerosakan, perbelanjaan, tuntutan atau permintaan sedemikian disebabkan secara langsung oleh penipuan, kecuaiian melampau atau keingkaran sengaja oleh Bank.
- (e) Obligasi Bank untuk melaksanakan pembayaran kepada saudagar sebagaimana yang diarahkan oleh Pemegang Kad akan dihentikan serta-merta apabila berlaku:
- (i) penamatan Perkhidmatan Pembayaran Automatik sama ada oleh Bank atau Pemegang Kad atau Syarikat dengan memberi kepada pihak yang lain notis bertulis tidak kurang daripada tiga puluh (30) hari kalendar apabila luputnya tiga puluh (30) hari kalendar notis itu dari tarikh notis penamatan, Perkhidmatan Autopay akan ditamatkan; atau
 - (ii) pembatalan Kad atau penamatan Perjanjian ini,
- (secara kolektif, "**Peristiwa**").

Pemegang Kad bertanggungjawab memaklumkan kepada saudagar yang berkenaan secara bertulis bahawa Perkhidmatan Pembayaran Automatik telah ditamatkan dan meminta saudagar tersebut menghentikan pembiliran kepada Bank. Sehingga saudagar memaklumkan Bank bahawa Perkhidmatan Pembayaran Automatik telah ditamatkan, Bank adalah berhak membuat pembayaran kepada saudagar sedemikian dan Syarikat akan terus bertanggungjawab terhadap pembayaran sedemikian yang dibuat oleh Bank kepada saudagar berhubung semua urus niaga sebelum Peristiwa.

- (f) Tanpa mengambil kira apa jua pun dalam Perjanjian ini, Bank berhak untuk menghentikan, menggantung, atau menamatkan Perkhidmatan Pembayaran Automatik pada bila-bila masa dengan memberi notis terdahulu kepada Pemegang Kad atau Syarikat dan tidak melakukan pembayaran kepada saudagar. Syarikat adalah pada setiap masa tetap bertanggungjawab sepenuhnya dan wajib membayar semua caj yang kena dibayar dan terhutang kepada saudagar secara langsung dan dalam keadaan demikian Bank tidak akan menanggung apa-apa liabiliti kepada Pemegang Kad dan Syarikat dan Pemegang Kad dan Syarikat akan menyelesaikan semua bayaran tertunggak dengan saudagar secara langsung.

TANDATANGAN PADA KAD DAN PEMATUHAN UNDANG-UNDANG

3. (a) Setelah menerima Kad, Pemegang Kad hendaklah menandatangani Kad dengan SERTA-MERTA (menggunakan

- tandatangan yang sama seperti yang terdapat pada borang permohonan yang berkaitan untuk pengeluaran Kad) dan pada apa-apa pengakuan penerimaan yang diperlukan oleh Bank dan mengembalikan pengakuan penerimaan tersebut dengan segera kepada Bank. Tandatangan Pemegang Kad pada Kad atau apa-apa draf jualan, rekod urus niaga, baucar kredit, draf pembayaran wang tunai dan/atau rekod caj lain dan/atau penggunaan Kad dan/atau penggunaan PIN dan/atau pengembalian slip pengakuan penerimaan akan membentuk bukti yang mengikat dan konklusif bahawa Pemegang Kad dan Syarikat telah memasuki Perjanjian ini dengan Bank.
- (b) Kad tidak boleh dipindah milik dan hendaklah digunakan secara eksklusif oleh Pemegang Kad. Kad tidak boleh dicagarkan oleh Pemegang Kad atau Syarikat sebagai jaminan untuk apa jua tujuan.
- (c) Pemegang Kad atau Syarikat boleh pada bila-bila masa menamatkan penggunaan Kad melalui notis bertulis kepada Bank. Setelah penamatan penggunaan Kad, Pemegang Kad akan memotong Kad pada bahagian yang merentasi jalur magnetik dan cip (jika Kad mempunyai cip mikro tertanam di dalamnya). Syarikat hendaklah dan tetap bertanggungjawab untuk semua urus niaga yang dilakukan menggunakan Kad sebelum Bank menerima notis bertulis mengenai penamatan.
- (d) Pemegang Kad dan Syarikat bersetuju untuk sentiasa mematuhi, dan penggunaan Kad hendaklah sentiasa tertakluk kepada syarat dan peraturan semasa Bank serta semua terma, syarat, undang-undang dan peraturan lain yang mentadbir Akaun Lain Pemegang Kad dan/atau Akaun Lain Syarikat dan/atau penggunaan Kad, mengikut mana-mana yang berkenaan, termasuk semua peraturan kawalan pertukaran Bank Negara Malaysia dan bahawa ia tidak menggunakan Kad untuk apa-apa aktiviti yang menyalaui undang-undang seperti, tetapi tidak terhad kepada, pertaruhan "dalam talian" (seperti yang lazimnya dikenali tentang frasa ini).

ARAHAN TELEKOMUNIKASI DAN PENYERAHAN NOTIS

3A. (a) Bank boleh menerima arahan:

- (i) melalui telefon daripada Syarikat untuk melakukan perkara-perkara berikut berkaitan dengan Kad:
 - (i-i) melaporkan Kad yang hilang/dicuri; atau
 - (i-ii) menyemak baki tertunggak pada Kad; atau
 - (i-iii) urus niaga lain yang boleh ditentukan oleh Bank dari semasa ke semasa.
- (ii) secara bertulis daripada Syarikat untuk melakukan perkara-perkara berikut berkaitan dengan Kad:
 - (ii-i) meminta had kredit Kad diubah;
 - (ii-ii) meminta alamat Syarikat diubah;
 - (ii-iii) meminta penggantian Kad yang hilang atau rosak;
 - (ii-iv) meminta dan/atau mengaktifkan PIN berkaitan dengan mana-mana Kad; atau
 - (ii-v) urus niaga lain yang boleh ditentukan oleh Bank dari semasa ke semasa.
- (iii) melalui telefon atau secara bertulis daripada Pemegang Kad untuk melakukan perkara-perkara berikut berkaitan dengan Kadnya sendiri:
 - (iii-i) meminta dan/atau mengaktifkan PIN-nya berhubung dengan Kad;
 - (iii-ii) melaporkan Kad yang hilang/dicuri;
 - (iii-iii) menyemak baki tertunggak pada Kad; atau
 - (iii-iv) urus niaga lain yang boleh ditentukan oleh Bank dari semasa ke semasa.
- (b) Sebelum menerima arahan tersebut melalui telefon, identiti Pemegang Kad atau penandatangan sah Syarikat akan disahkan terlebih dahulu oleh wakil Bank melalui proses keselamatan yang diwujudkan oleh Bank yang mungkin mengandungi butiran peribadi Pemegang Kad.
- (c) Tidak mengambil kira Fasal 3A (a) dan (b) di atas, Bank boleh meminta pengesahan bertulis daripada Pemegang Kad tentang arahan Pemegang Kad dan/atau daripada Syarikat tentang arahan Syarikat sebelum melaksanakannya.
- (d) Tertakluk kepada Fasal 5 (*Kecurian atau Kehilangan atau Penggunaan Scara Menipu Kad dan Peranti Mudah Alih/Peranti Utama*) Perjanjian ini, Bank tidak akan bertanggungjawab kepada Pemegang Kad dan Syarikat atas apa-apa kerugian atau kerosakan walau apapun puncanya atau cara ia dialami oleh Pemegang Kad atau Syarikat yang mematuhi atau meninggalkan apa-apa atau semua arahan yang dinyatakan dalam Fasal 3A (a) di atas, melainkan jika ia timbul dan disebabkan secara langsung oleh penipuan, kecuaihan melampau atau keingkaran Bank.
- (e) Pemegang Kad dan Syarikat mengakui dan bersetuju bahawa:

- (i) Bank boleh merekodkan semua perbualan telefon antara Pemegang Kad dan/atau orang yang diberi kuasa oleh Syarikat dan wakil Bank; dan
 - (ii) Oleh sebab sifat perbualan telefon itu sendiri, Bank tidak akan bertanggungjawab terhadap pihak ketiga yang tidak dibenarkan mendengarkan perbualan tersebut.
- (f) Pemegang Kad dan Syarikat selanjutnya memberi kuasa kepada Bank untuk bertindak mengikut arahan Pemegang Kad atau Syarikat (mengikut mana-mana yang berkenaan) yang diberikan melalui faksimili atau cara telekomunikasi lain, dan apa-apa permintaan yang dibuat oleh Pemegang Kad atau Syarikat kepada saudagar atau pembekal perkhidmatan untuk pembekalan barangan dan/atau perkhidmatan yang akan dicaj kepada Kad hendaklah merupakan kuasa bagi Bank untuk mendebit Akaun Mastercard yang berkaitan dengan amaun yang dicajkan. Pemegang Kad dan Syarikat akan menanggung rugi Bank atas semua tindakan, tuntutan, kerugian, liabiliti atau kerosakan yang dialami oleh Bank apabila bertindak menurut arahan Pemegang Kad dan/atau Syarikat melainkan jika ia timbul dan disebabkan secara langsung oleh penipuan, kecuaihan melampau atau keingkaran sengaja Bank.
- 3B. (a) Bank diberi kuasa (tetapi tidak diwajibkan) untuk mengeluarkan pemberitahuan kepada Pemegang Kad dan/atau Syarikat melalui pos biasa, serahan tangan, perkhidmatan kurier, mel elektronik, telefon, sistem pesanan ringkas ("SMS") atau apa-apa cara komunikasi lain yang ditentukan oleh Bank. Pemberitahuan boleh dalam bentuk rakaman suara, teks atau mesej elektronik atau maklumat lain dan akan dihantar ke alamat terakhir Pemegang Kad dan/atau Syarikat yang diketahui, alamat e-mel atau nombor telefon bimbit atau nombor hubungan atau maklumat lain yang direkodkan dengan Bank atau apa-apa cara komunikasi lain yang dianggap wajar oleh Bank dan boleh termasuk notis yang berkaitan dengan (i) penggantungan, pengeluaran, perubahan atau pindaan had kredit yang ditetapkan kepada Pemegang Kad dan/atau Syarikat, (ii) pengeluaran, penggantungan dan/atau penamatan Kad dan/atau apa-apa perkhidmatan lain yang ditawarkan, (iii) keengganan Bank untuk mengeluarkan Kad pengganti baru dan (iv) peringatan berkenaan dengan bayaran minimum yang perlu dibayar, tarikh matang pembayaran, tuntutan untuk membayar balik amaun kena bayar dan terhutang kepada Bank (jika ada), kemas kini mengenai faedah, program dan promosi dan/atau maklumat lain yang berkepentingan umum dan/atau khusus kepada Pemegang Kad dan/atau Syarikat. Penyerahan dan/atau penghantaran sedemikian akan disifatkan telah diterima dengan sewajarnya dan berkuat kuasa:
- (i) jika melalui pos biasa atau pos berdaftar, dua (2) hari perniagaan selepas dipos (kecuali apabila notis tersebut tidak dihantar dan dikembalikan kepada Bank);
 - (ii) pada masa penghantaran, jika dihantar dengan tangan;
 - (iii) jika melalui kurier, ketika pengakuan pada nota penghantaran kurier;
 - (iv) jika menggunakan paparan (sama ada di premis Bank atau di CIMB Clicks dan/atau laman web Bank) apabila dipaparkan; dan
 - (v) jika menggunakan penghantaran atau mel elektronik atau bentuk-bentuk lain komunikasi segera (termasuk SMS dan rakaman suara), pada masa ia dihantar.
- Melainkan dinyatakan sebaliknya, semua notis dan komunikasi kepada Bank hendaklah secara bertulis dan ditandatangani oleh Pemegang Kad dan/atau Syarikat, dan dihantar ke alamat Bank seperti yang diberitahu dari semasa ke semasa dan semua notis daripada Pemegang Kad dan/atau Syarikat akan berkuat kuasa hanya apabila Bank menerimanya dan dibuktikan dengan pengakuan Bank.
- (b) Pemegang Kad dan Syarikat bertanggungjawab sepenuhnya terhadap keselamatan dan penyimpanan maklumat yang diterimanya dan hendaklah memastikan notis yang dihantar oleh Bank tidak didedahkan kepada atau diberikan akses kepada pihak lain ("**pendedahan kepada pihak ketiga**").
- (c) Bank menafikan semua liabiliti kepada Pemegang Kad dan Syarikat atas apa-apa kerugian atau kerosakan yang timbul daripada pendedahan kepada pihak ketiga atau apa jua kerugian atau kerosakan yang dialami oleh Pemegang Kad dan/atau Syarikat yang timbul daripada apa-apa:
- (i) kerosakan atau kecacatan semasa penghantaran maklumat atas sebab apa pun;
 - (ii) ketaktepatan, ketaklengkapan, kelewatan atau ketakhantaran apa-apa maklumat yang dihantar atau

kesilapan penghantaran maklumat kepada mana-mana pihak ketiga;

- (iii) akses yang salah, tidak dibenarkan atau tidak wajar kepada, penggunaan atau tafsiran maklumat yang dihantar; dan
- (iv) tuntutan untuk libel atau fitnah yang timbul daripada penghantaran apa-apa maklumat,

kecuali jika ia timbul dan disebabkan secara langsung oleh penipuan, kecuaiian melampau atau keingkaran sengaja Bank. Pemberitahuan sedemikian boleh dihantar dalam Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris atau bahasa lain yang ditentukan oleh Bank.

PENAMATAN DAN/ATAU PENGGANTUNGAN KAD DAN AKAUN UTAMA

4. (a) Kad adalah harta Bank pada setiap masa. Bank boleh menarik balik, menggantung dan/atau menamatkan mengikut budi bicaranya, Akaun Utama atau apa-apa Kad dan/atau apa-apa perkhidmatan yang ditawarkan pada bila-bila masa dengan notis terdahulu yang mencukupi kepada Pemegang Kad dan Syarikat. Kad akan diserahkan kepada Bank dengan serta-merta apabila diminta oleh Bank atau ejennya yang diberi kuasa.
- (b) Selain hak Bank yang terkandung dalam Fasal 4 (a) di atas dan Fasal 30 (*Pembatalan/Penggantungan*), Bank boleh dengan serta-merta menarik balik, menggantung dan/atau menamatkan Akaun Utama atau apa-apa Kad dan/atau apa-apa perkhidmatan yang ditawarkan yang pengeluaran, penggantungan dan/atau penamatannya akan berkuatkuasa serta merta, tanpa mengambil kira Bank mungkin telah melepaskan haknya pada beberapa keadaan lalu, apabila berlakunya mana-mana satu atau lebih peristiwa berikut:
- (i) jika Syarikat gagal atau mungkir dalam pembayaran apa-apa jumlah wang yang kena dibayar, termasuk tetapi tidak terhad kepada pembayaran minimum yang kena dibayar, amaun yang melebihi had kredit yang ditetapkan [seperti yang dinyatakan dalam Fasal 13 (*Caj Kewangan*)] jika diminta, caj kewangan, caj lewat bayar dan apa-apa yuran, wang dan caj lain, apabila matang dan kena dibayar menurut kuasa dan mengikut peruntukan dalam Perjanjian ini sama ada dituntut secara rasmi atau tidak;
 - (ii) jika Pemegang Kad dan/atau Syarikat melakukan atau mengancam untuk melakukan kemungkiran atau melanggar mana-mana perjanjian, kovenan, terma atau syarat dalam Perjanjian ini pada bahagian Pemegang Kad dan/atau Syarikat dan/atau gagal mematuhi dan melaksanakannya;
 - (iii) jika Syarikat mengambil apa-apa tindakan atau prosiding, sama ada secara sukarela atau wajib, dengan objektifnya untuk mengguling Syarikat (selain penggulingan secara sukarela oleh anggota bagi maksud pembinaan semula dan percantuman) atau jika petisyen penggulingan telah diberikan kepada Syarikat atau jika mesyuarat pemiutang Syarikat dipanggil atau jika seseorang penerima atau pengurus atau pengurus kehakiman dilantik berkenaan semua atau mana-mana bahagian harta Syarikat atau jika Syarikat memasuki suatu komposisi atau perkiraan lain dengan pemiutangnya;
 - (iv) jika Syarikat ialah individu atau mana-mana satu daripada rakan kongsi, jika Syarikat ialah perkongsian, melakukan suatu tindakan kebangkrutan atau jika suatu petisyen untuk kebangkrutan telah dikemukakan terhadap salah seorang daripada mereka atau jika ia membuat atau memasuki apa-apa surat ikatan atau perkiraan atau komposisi dengan pemiutangnya atau mengalami atau membenarkan apa-apa pelaksanaan dikenakan atas harta atau dirinya;
 - (v) sekiranya petisyen untuk kebangkrutan atau penggulingan dikemukakan atau suatu perintah dibuat bagi apa-apa hukuman dan/atau penerimaan perintah atau penggulingan terhadap Pemegang Kad dan/atau Syarikat, mengikut mana-mana yang berkenaan;
 - (vi) jika suatu distres atau pelaksanaan atau proses mahkamah lain yang mempunyai bidang kuasa yang kompeten dikenakan atau dikeluarkan terhadap apa-apa harta Pemegang Kad dan/atau Syarikat dan distres, pelaksanaan atau proses lain, mengikut mana-mana yang berkenaan, tidak dipenuhi oleh Pemegang Kad dan/atau Syarikat dalam masa dua puluh satu (21) hari kalendar dari tarikh itu;
 - (vii) jika Pemegang Kad dan/atau Syarikat telah memberikan maklumat atau data palsu atau tidak tepat kepada Bank;
 - (viii) jika penerima telah dilantik berkenaan aset Pemegang Kad dan/atau aset Syarikat atau mana-mana bahagian darinya

atau mesyuarat, sama ada rasmi atau tidak rasmi, dipanggil oleh pemiutang Pemegang Kad dan/atau Syarikat, atau mana-mana daripada mereka atau jika Pemegang Kad dan/atau Syarikat memasuki apa-apa skim pembayaran balik atau perkiraan dengan mana-mana pemiutang atau jika Pemegang Kad pergi ke AKPK (*Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit*) untuk mendapatkan bantuan;

- (ix) jika Pemegang Kad dan/atau Syarikat membiarkan hutang penghakiman diperoleh terhadapnya kekal tidak dipenuhi untuk tempoh tujuh (7) hari kalendar dari tarikh tersebut (selain hutang penghakiman apabila Pemegang Kad dan/atau Syarikat akan memperoleh penangguhan pelaksanaan dan memfailkan Notis Rayuan dalam masa yang ditetapkan oleh undang-undang);
 - (x) jika pada pendapat Bank, Akaun Mastercard dan/atau Akaun Lain Pemegang Kad dan/atau Akaun Lain Syarikat, mengikut mana-mana yang berkenaan, dengan Bank tidak dioperasi dengan memuaskan atau kemungkiran pembayaran di bawah perjanjian ini telah berlaku;
 - (xi) jika sesuatu peristiwa atau kejadian telah berlaku atau suatu keadaan wujud yang pada pendapat Bank menjejaskan keupayaan Pemegang Kad dan/atau Syarikat untuk melaksanakan obligasinya (mengikut mana-mana yang berkenaan) di bawah Perjanjian ini
 - (xii) jika Pemegang Kad menjadi gila atau meninggal dunia;
 - (xiii) jika tempat beradanya Pemegang Kad tidak diketahui oleh Bank;
 - (xiv) jika Bank berpendapat urus niaga yang mencurigakan atau tidak normal sedang dijalankan dengan Kad dan penggantungan dan/atau penamatan sedemikian secara munasabah diperlukan untuk mengelakkan urus niaga menipu atau tanpa kebenaran;
 - (xv) jika Pemegang Kad atau Syarikat telah melanggar apa-apa undang-undang atau peraturan yang berkaitan termasuk berkenaan penggunaan Kad oleh Pemegang Kad atau Syarikat;
 - (xvi) jika apa-apa jumlah lain akan kena dibayar oleh Pemegang Kad dan/atau Syarikat dan/atau syarikat berkaitan dan/atau bersekutu dengan Syarikat dan/atau penjamin dan/atau penyedia keselamatan keterhutangan Pemegang Kad di dalam ini ('Obligor') kepada Bank atau mana-mana pihak ketiga dari semasa ke semasa atau jika mana-mana daripada Obligor mungkin atau menjadi bertanggungjawab kepada Bank atau pihak ketiga di mana-mana akaun perbankan atau mana-mana akaun lain sama ada akaun semasa atau selainnya atau dengan apa-apa cara sekalipun termasuk tetapi tidak terhad kepada liabiliti Obligor yang ditanggung dalam kapasiti sebagai penanggung atau penjamin atau jika kemungkiran dilakukan oleh mana-mana Obligor berhubung apa-apa peruntukan akaun sedemikian atau dalam apa-apa kemudahan kredit lain yang diberikan oleh Bank atau pihak ketiga sekarang atau kemudian kepada mana-mana Obligor; atau
 - (xvii) jika pada bila-bila masa, sebagai akibat daripada kedudukan domisil, kewarganegaraan, status kediaman, status cukai, atau status lain yang berkaitan dengan Pemegang Kad dan/atau Syarikat, penyediaan atau penyediaan berterusan Kad dan kemudahan oleh Bank dari semasa ke semasa akan atau mungkin pada pendapat Bank merupakan pelanggaran keperluan dalaman Bank, dasar atau apa-apa undang-undang yang berkenaan atau keperluan mana-mana pihak berkuasa, atau tidak mengikut amalan dan prosedur perniagaan Bank yang biasa.
- (c) Syarikat akan terus bertanggungjawab atas semua urus niaga dan penggunaan Kad sebelum penamatan yang sempurna Kad dan/atau Akaun Utama.
- (d) Sekiranya berlaku penamatan pada:
- (i) mana-mana Kad sama ada oleh Pemegang Kad dan/atau Syarikat atau oleh Bank, tiada bayaran balik yuran tahunan, apa-apa yuran lain, caj, cukai (termasuk tetapi tidak terhad kepada cukai perkhidmatan) yang dikenakan pada Pemegang Kad dan Syarikat oleh Bank, melainkan jika penamatan, sama ada oleh Pemegang Kad dan/atau Syarikat atau oleh Bank, berlaku dalam masa tiga (3) bulan dari pembayaran yuran tahunan (jika ada), yang mana Bank akan membayar balik kepada Syarikat yuran tahunan yang dibayar atas dasar sama rata; dan
 - (ii) Akaun Utama oleh Syarikat atau oleh Bank, Kad dan perkhidmatan akan ditamatkan secara automatik dan

Syarikat hendaklah memastikan Pemegang Kadnya memotong separuh Kad atau mengembalikan Kad kepada Syarikat dan Syarikat akan memotong separuh semua Kad yang dikumpul daripada Pemegang Kad masing-masing. Pemegang Kad dan Syarikat adalah tetap bertanggungjawab atas semua urusan niaga yang dilakukan melalui penggunaan Kad sebelum Bank menerima notis bertulis mengenai penamatan.

PENGUNAAN BERSYARAT DAN KETERSEDIAAN KAD

- 4A. (a) Tanpa menjejaskan keluasan yang disebut di atas, penggunaan Kad dan ketersediaannya adalah dengan syarat:
- (i) tiada pelanggaran mana-mana undang-undang berhubung dengannya; dan
 - (ii) Pemegang Kad dan Syarikat yang mewakili dan mengaku janji (dan secara berterusan mewakili dan mengaku janji) kepada Bank bahawa persetujuan Bank untuk memberikan atau menyediakan atau terus menyediakan Kad kepada Pemegang Kad dan/atau Syarikat dan penggunaan Kad tidak akan menyalahi atau tidak melanggar mana-mana undang-undang semasa atau keperluan pengawalseliaan atau apa-apa peruntukan lain atau apa-apa had atau sekatan pemberian pinjaman yang mungkin dikenakan atas Bank dari semasa ke semasa oleh Bank Negara Malaysia atau pihak berkuasa lain yang mempunyai kuasa ke atas Bank ("**Undang-undang dan Peraturan yang Berkenaan**").
- (b) Undang-undang dan Peraturan yang Terpakai dan yang Kad tertakluk padanya termasuk tetapi tidak terhad kepada:
- (i) semua peruntukan semasa FSA;
 - (ii) semua garis panduan dan arahan Bank Negara Malaysia semasa yang dikeluarkan berkenaan dengan FSA; dan
 - (iii) semua garis panduan, had pinjaman atau sekatan yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia atau mana-mana pihak berkuasa kerajaan dari semasa ke semasa termasuk yang berkaitan dengan pemberian dan/atau penggunaan Kad kepada dan/atau oleh orang yang berkait dengan Bank.
- (c) Pemegang Kad dan/atau Syarikat hendaklah dengan serta-merta memberitahu Bank secara bertulis jika:
- (i) Pemegang Kad dan/atau Syarikat akan atau telah melanggar mana-mana Undang-Undang dan Peraturan yang Berkenaan; atau
 - (ii) mana-mana terma dan syarat dalam Perjanjian ini tidak dapat dipenuhi atau didapati telah dilanggar atau tidak dipenuhi oleh Pemegang Kad dan/atau Syarikat.
- (d) Pemegang Kad dan/atau Syarikat dalam memberikan perisytiharan berkenaan dengan mana-mana yang dinyatakan di atas atau mana-mana terma dan syarat dalam Perjanjian ini atau jika dikehendaki oleh dan atas terma yang ditetapkan oleh Bank mewakili dan memberi jaminan kepada Bank bahawa kandungan di dalamnya adalah tetap benar dan tepat dalam segala hal selagi Kad masih tersedia atau apa-apa jumlah wang yang terhutang di bawahnya masih kena dibayar.

PIN DAN PENGGUNAAN KAD ("PIN & PEMBAYARAN") YANG TERPAKAI

- 4B. (a) Bank akan memperuntukkan PIN sementara kepada Pemegang Kad melalui Sistem Pesanan Ringkas (SMS) atau Kiriman PIN (sekiranya Pemegang Kad tidak mempunyai nombor mudah alih yang sah yang berdaftar dengan Bank, oleh itu ia akan dihantar ke alamat surat-menyurat Pemegang Kad) apabila kad diaktifkan oleh Pemegang Kad.
- (i) setelah menerima PIN sementara, Pemegang Kad akan menukar PIN sementara di ATM Bank sendiri, laman web selamat dan/atau saluran selamat lain yang dibenarkan oleh Bank dalam tempoh tujuh (7) hari atau seperti yang ditentukan oleh Bank.
 - (ii) Sekiranya Pemegang Kad terlupa PIN-nya, Bank akan mengeluarkan PIN sementara yang baru kepada Pemegang Kad atas permintaan Pemegang Kad.
 - (iii) Apabila Kad hilang atau dicuri seperti yang dilaporkan oleh Pemegang Kad dan Bank bersetuju untuk mengeluarkan Kad baru kepada Pemegang Kad, PIN sementara untuk Kad baru juga akan dikeluarkan. Pemegang Kad tidak dapat menggunakan PIN sedia ada dengan Kad pengganti.
- (b) Pemegang Kad mesti merahsiakan PIN-nya dan tidak mendedahkannya kepada mana-mana orang lain dalam apa jua keadaan. Dalam memilih PIN Pemegang Kad, Pemegang Kad **TIDAK BOLEH** memilih PIN yang jelas atau boleh diramal,

termasuk:

- (i) yang merupakan tarikh lahir, nombor kad pengenalan, pasport, lesen memandu atau telefonnya;
 - (ii) PIN berbentuk abjad yang boleh dikenali sebagai sebahagian daripada namanya;
 - (iii) yang terdiri daripada nombor berurutan (contohnya 12345); atau
 - (iv) yang terdiri daripada semua nombor yang sama (contohnya 11111).
- (c) Pemegang Kad mesti memastikan amaun urusan niaga adalah betul sebelum menandatangani apa-apa baucar atau rekod urusan niaga dan sebelum memasukkan PIN Pemegang Kad pada mana-mana tempat jual elektronik yang memerlukan kemasukan PIN Pemegang Kad. Dengan menandatangani rekod baucar atau urusan niaga atau memasukkan PIN Pemegang Kad atau menggunakan Kad Pemegang Kad pada mana-mana tempat jual elektronik, Pemegang Kad dianggap bersetuju dengan urusan niaga tersebut dan mengesahkan amaunnya betul.
- (d) Pemegang Kad membenarkan dan bersetuju bahawa PIN akan berfungsi sebagai cara mengesahkan identiti Pemegang Kad kepada Bank untuk tujuan:
- (i) urusan niaga yang dipertimbangkan dalam Perjanjian ini; dan
 - (ii) membenarkan Pemegang Kad melanggan dan mendaftar untuk perkhidmatan perbankan internet yang disediakan oleh Bank (di bawah terma perkhidmatan sedemikian) yang seterusnya membolehkan Pemegang Kad mengakses akaun banknya yang lain, kemudahan perbankan dan produk dan perkhidmatan lain yang disediakan oleh Bank.

Dalam hal ini Bank memberi kuasa kepada Bank untuk menerima, mematuhi dan bertindak atas semua arahan Pemegang Kad apabila dikenal pasti melalui PIN Pemegang Kad (termasuk permohonan untuk membuka akaun dan produk tambahan dan perkhidmatan yang disediakan kepada Pemegang Kad) dan Bank akan tidak bertanggungjawab kerana bertindak atas arahan sedemikian dengan suci hati. Arahan sedemikian adalah dianggap tidak dapat dibatalkan dan mengikat Pemegang Kad apabila diterima oleh Bank tanpa mengambil kira apa pun kesilapan, penipuan, pemalsuan, kekurangan kejelasan atau salah faham berkenaan dengan arahan tersebut. Bank berhak untuk bergantung pada PIN sebagai bukti konklusif tentang identiti Pemegang Kad tetapi jika Bank mempunyai keraguan atau tidak pasti mengenai identiti Pemegang Kad, Bank masih boleh meminta apa-apa bentuk atau cara pengenalan yang lain sebagaimana yang difikirkannya wajar mengikut budi bicaranya pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa.

KATA LALUAN SEKALI ("OTP") / KOD KEBENARAN URUS NIAGA ("TAC")

- 4C. (a) Bank berhak untuk menghantar OTP/TAC (mana-mana yang berkenaan) kepada Peranti Mudah Alih Pemegang Kad atau Peranti Utama. Pemegang Kad membenarkan dan bersetuju OTP/TAC (mana-mana yang berkenaan) akan berfungsi sebagai cara mengesahkan identiti Pemegang Kad kepada Bank untuk tujuan membenarkan Pemegang Kad memohon produk dan perkhidmatan yang disediakan melalui laman web Bank dan/atau saluran lain yang ditentukan oleh Bank, berdasarkan terma yang terdapat di dalamnya atau untuk membenarkan urusan niaga tertentu yang lain.
- (b) Dalam hal ini, Pemegang Kad memberi kuasa kepada Bank untuk menerima, mematuhi dan bertindak atas semua arahan Pemegang Kad apabila identiti Pemegang Kad disahkan melalui penggunaan OTP/TAC (mana-mana yang berkenaan) oleh Pemegang Kad, apabila memohon produk dan perkhidmatan yang disediakan melalui laman web Bank dan/atau saluran lain yang ditentukan oleh Bank atau untuk membenarkan urusan niaga khusus lain dan Bank tidak akan bertanggungjawab kerana bertindak atas arahan sedemikian dengan suci hati. Arahan sedemikian adalah dianggap tidak dapat dibatalkan dan mengikat Pemegang Kad apabila Bank menerimanya tanpa mengambil kira apa-apa kesilapan, penipuan, pemalsuan, kekurangan kejelasan atau salah faham berkenaan dengan arahan tersebut. Bank berhak untuk bergantung kepada OTP/TAC (mana-mana yang berkenaan) sebagai bukti konklusif tentang identiti Pemegang Kad.

KECURIAN ATAU KEHILANGAN ATAU PENGGUNAAN SECARA MENIPU KAD DAN PERANTI MUDAH ALIH/UTAMA

5. (a) Kecuali kemudian daripada ini diperuntukkan, Syarikat akan terus bertanggungjawab kepada Bank atas semua barangan dan perkhidmatan yang dibekalkan oleh mana-mana saudagar dan

semua pendahuluan tunai yang dilakukan melalui penggunaan Kad oleh Pemegang Kad dan/atau Syarikat. Pemegang Kad dan Syarikat adalah berkewajipan untuk sentiasa berhati-hati dan berjaga-jaga untuk memastikan Kad dan PIN, Peranti Mudah Alih/Utama selamat pada setiap masa dan untuk mencegah kehilangan, kecurian atau penggunaan secara menipu Kad dan Peranti Mudah Alih/Peranti Utama dan untuk mencegah pendedahan PIN dan OTP Pemegang Kad dan/atau TAC (mana-mana yang berkenaan) yang dihantar kepada Peranti Mudah Alih/Peranti Utama kepada mana-mana orang lain dan Pemegang Kad dan Syarikat adalah secara bersama dan secara berasingan bersetuju untuk menanggung rugi dan tidak mempertanggungjawabkan Bank terhadap apa-apa liabiliti atas kerugian, kerosakan, kos dan perbelanjaan (guaman atau selainnya) yang timbul daripada pelanggaran Pemegang Kad dan/atau Syarikat akan tanggungjawab sedemikian. Tanggungjawab menjaga keselamatan Kad dan PIN dan Peranti Mudah Alih/Peranti Utama sepanjang masa dan untuk mengelakkan kehilangan, kecurian atau penggunaan Kad secara menipu dan untuk mengelakkan pendedahan PIN dan OTP dan/atau TAC Pemegang Kad (mana yang terpakai) kepada mana-mana orang lain termasuk:

- (i) tidak membenarkan orang lain menggunakan Kad dan Peranti Mudah Alih/Peranti Utama.
- (ii) memeriksa secara kerap untuk memastikan Pemegang Kad masih mempunyai Kad dan Peranti Mudah Alih/Peranti Utama di dalam milikan dan jagaannya.
- (iii) tidak menulis PIN pada Kad atau apa-apa item yang biasanya disimpan berdekatan dengan Kad dan menyimpan rekod PIN Pemegang Kad, walaupun disamarkan, berasingan dan berjauhan daripada Kad.
- (iv) tidak mendedahkan apa-apa OTP dan/atau TAC (mana-mana yang berkenaan) yang diterima kepada mana-mana pihak ketiga, atau membenarkan mana-mana pihak ketiga mempunyai akses kepada OTP dan/atau TAC sedemikian (mana-mana yang berkenaan).
- (v) tidak menulis PIN dengan cara yang dapat difahami oleh orang lain.
- (vi) tidak mendedahkan/memberitahu butiran Kad atau PIN kepada orang lain.
- (vii) tidak membenarkan Kad terlepas daripada pandangan Pemegang Kad.

Pemegang Kad dan/atau Syarikat mesti memaklumkan kepada Bank:

- (i) secara lisan atau secara bertulis dengan segera mengenai apa-apa kehilangan dan/atau kecurian Kad dan/atau pendedahan PIN kepada mana-mana orang;
 - (ii) dengan seberapa segera yang munasabah selepas mendapati Kad hilang, dicuri, urus niaga tidak sah telah berlaku atau PIN mungkin telah dikompromi;
 - (iii) dengan serta-merta selepas menerima notifikasi urus niaga SMS jika urus niaga itu tidak dibenarkan; dan
 - (iv) dengan segera berkenaan apa-apa perubahan dalam nombor hubungan Pemegang Kad.
- (b) Pemegang Kad dan/atau Syarikat bertanggungjawab terhadap:
- (i) Urus niaga tanpa kebenaran menggunakan PIN, jika Pemegang Kad dan/atau Syarikat telah:
 - (i-i) bertindak secara menipu;
 - (i-ii) berlengah dalam memberitahu Bank dengan secepat yang munasabah selepas mendapati kehilangan atau penggunaan Kad tanpa kebenaran;
 - (i-iii) secara sukarela mendedahkan PIN kepada orang lain; atau
 - (i-iv) mencatatkan PIN pada Kad, atau apa-apa yang disimpan berdekatan dengan Kad yang boleh hilang atau dicuri bersama dengan Kad.
 - (ii) urus niaga yang tidak sah yang memerlukan pengesahan tandatangan atau penggunaan Kad tanpa sentuh, jika Pemegang Kad dan/atau Syarikat telah:
 - (ii-i) bertindak secara menipu;
 - (ii-ii) berlengah dalam memberitahu Bank secepat yang munasabah selepas mendapati kehilangan atau penggunaan Kad tanpa kebenaran;
 - (ii-iii) membiarkan Kad atau barang yang mengandungi Kad tidak dijaga, di tempat-tempat yang boleh dilihat dan boleh diakses oleh orang lain atau gagal menjalankan penjagaan yang sewajarnya dalam menjaga Kad di tempat kediaman Pemegang Kad; atau
 - (ii-iv) secara sukarela membenarkan orang lain

menggunakan Kad tersebut.

- (c) Sekiranya Syarikat tidak berpuas hati dengan penyiasatan dan keputusan Bank berhubung urus niaga tanpa kebenaran dan apa-apa perkara yang timbul daripada fasal ini, Pemegang Kad dan Syarikat boleh merujuk pertikaian itu kepada Ombudsman Perkhidmatan Kewangan untuk menyelesaikan pertikaian tersebut. Apabila Kad yang hilang atau dicuri diperoleh semula, Pemegang Kad dan Syarikat bersetuju untuk tidak menggunakan Kad yang telah diperoleh semula itu dan hendaklah dengan serta-merta memotongnya separuh pada bahagian jalur magnetik dan merentasi cip (jika Kad mempunyai cip mikro tertanam di dalamnya).
 - (d) Bank tidak diwajibkan untuk mengeluarkan Kad pengganti kepada Pemegang Kad berikutan kehilangan atau kecurian Kad. Jika Bank memutuskan untuk mengeluarkan Kad gantian, ia akan tertakluk kepada permintaan yang telah dibuat oleh Syarikat untuk Kad pengganti dan bayaran Yuran Kad Gantian seperti berikut:
 - (i) RM10.00 sekiranya berlaku kehilangan atau kecurian Kad yang dilaporkan buat kali pertama;
 - (ii) RM50.00 sekiranya berlaku kehilangan atau kecurian Kad yang dilaporkan buat kali kedua.
- Bank berhak untuk tidak mengganti Kad sekiranya berlaku kehilangan atau kecurian Kad yang dilaporkan untuk kali ketiga. Bank tidak akan mengenakan Yuran Kad Pengganti sekiranya penggantian Kad ialah disebabkan oleh Kad atau cip yang terkandung dalam Kad yang rosak atau cacat atau jika penggantian Kad diperlukan disebabkan oleh peningkatan kad atau sistem oleh Bank.
- (e) Sekiranya Kad pengganti dikeluarkan, semua Baki Baru yang belum dijelaskan dan semua entri debit lain yang membentuk Baki Baru dalam Akaun Mastercard akan dipindahkan ke Akaun Mastercard yang baru.
 - (f) Sekiranya terdapat apa-apa kehilangan dan/atau kecurian Kad dan/atau pendedahan PIN kepada mana-mana orang, jika diminta oleh Bank, Pemegang Kad dan/atau Syarikat juga perlu menyediakan Bank dengan:
 - (i) salinan laporan polis; dan/atau
 - (ii) pengesahan bertulis

yang dibuat oleh Pemegang Kad berkenaan kehilangan dan/atau kecurian Kad dan/atau pendedahan PIN kepada mana-mana orang dalam tempoh tujuh (7) hari kalendar dari permintaan Bank.

PEMBAHARUAN KAD

6. Apabila tempoh sah Kad tamat, Bank boleh mengeluarkan kepada Pemegang Kad satu Kad pengganti baru dengan syarat bahawa Bank boleh, atas budi bicaranya, menolak untuk mengeluarkan Kad pengganti baru dengan memberi notis terdahulu yang mencukupi. Sekiranya Kad baru dikeluarkan, keseluruhan Baki Baru yang belum selesai dan semua entri debit yang lain yang menjadikan Baki Baru dalam Akaun Mastercard akan dipindahkan ke Akaun Mastercard yang baru.

HAD PEMBELIAN DAN URUS NIAGA

7. (a) Tanpa mengambil kira bahawa had kredit ditetapkan mungkin tidak diberikan atau diketahui oleh Pemegang Kad dan/atau Syarikat, Bank boleh pada bila-bila masa mengikut budi bicaranya menetapkan apa-apa had untuk tujuan kawalan selepas memberikan Pemegang Kad dan/atau Syarikat notis terdahulu tiga (3) hari bekerja.
- (b) Sekiranya had kredit ditetapkan diberikan dan dimaklumkan kepada Pemegang Kad dan/atau Syarikat, Pemegang Kad dan Syarikat tidak boleh melampaui had kredit yang ditetapkan yang telah diberikan/ditentukan oleh Bank melainkan jika kelulusan terdahulu secara bertulis untuk melampaui had ini diperoleh oleh Syarikat daripada Bank. Pemegang Kad dan Syarikat selanjutnya mengaku janji tidak akan melakukan apa-apa pembelian atau urus niaga di dalam atau di luar Malaysia yang boleh menyebabkan agregat baki tertunggak Pemegang Kad dan/atau kewajipan Syarikat kepada Bank melebihi had kredit tersebut.
- (c) Tanpa mengambil kira bahawa had kredit ditetapkan telah diberikan dan dimaklumkan kepada Pemegang Kad dan/atau Syarikat, Bank boleh pada bila-bila masa mengikut budi bicaranya mengubah atau meminda had kredit ditetapkan selepas memberi notis terdahulu yang mencukupi kepada Pemegang Kad dan/atau Syarikat.
- (d) Tanpa mengambil kira perkara yang dinyatakan sebelum ini, Syarikat bertanggungjawab atas semua liabilitinya termasuk tetapi tidak terhad kepada semua pembelian, pendahuluan tunai dan urus niaga yang melebihi had kredit sedemikian. Bank tidak wajib

dalam apa jua cara untuk memastikan had kredit tidak dilampaui oleh Pemegang Kad dan/atau Syarikat.

- (e) Pemegang Kad dan/atau Syarikat tidak berhak dalam apa-apa keadaan menuntut had kredit ditetapkan atau had kredit ditetapkan yang tidak digunakan disediakan oleh Bank untuk kegunaan Pemegang Kad dan/atau Syarikat. Bank sama sekali tidak berkewajipan sama ada di sisi undang-undang atau ekuiti untuk membuat atau terus menyediakan had kredit ditetapkan atau had kredit ditetapkan yang tidak digunakan untuk kegunaan Pemegang Kad dan/atau Syarikat.
- (f) Ketersediaan atau kesinambungan had kredit ditetapkan kepada Pemegang Kad dan/atau Syarikat adalah tertakluk kepada semakan yang boleh dilakukan oleh Bank dari semasa ke semasa.
- (g) Sebagai tambahan dan tanpa menjejaskan apa-apa hak lain Bank dalam Perjanjian ini, berikutan semakan Bank seperti yang dinyatakan sebelum ini, Bank berhak selepas memberi notis kepada Pemegang Kad dan/atau Syarikat dan tanpa kewajipan untuk memberikan apa-apa sebab untuk menggantung dengan serta-merta atau menarik balik atau mengubah atau meminda had kredit yang ditetapkan kepada Pemegang Kad dan/atau Syarikat dengan apa-apa cara atau atas apa-apa terma dan syarat yang selanjutnya sebagaimana yang Bank fikirkan munasabah apabila berlaku mana-mana satu atau lebih daripada peristiwa yang dinyatakan di bawah Fasal 4(b) (*Penamatan dan / atau Penggantungan Kad dan Akaun Utama*) Perjanjian ini, tanpa mengambil kira Bank mungkin telah mengetepikan haknya untuk menggantung atau menarik balik atau mengubah atau meminda had kredit yang ditetapkan kepada Pemegang Kad dan/atau Syarikat pada masa-masa dahulu.
- (h) Bank boleh (tetapi tidak diwajibkan) pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa menghubungi Pemegang Kad dan/atau Syarikat untuk mengesahkan urusan niaga yang dijalankan menggunakan Kad sebagai langkah untuk mengelakkan sebarang penggunaan Kad tanpa kebenaran. Sekiranya Bank tidak dapat menghubungi Pemegang Kad dan/atau Syarikat, Bank boleh (tetapi tidak diwajibkan) menolak urusan niaga tanpa liabiliti kepada Bank. Sekiranya Bank membenarkan urusan niaga dijalankan, Syarikat akan terus bertanggungjawab terhadap caj dan/atau hutang yang ditanggung dan/atau wang yang dikeluarkan.

YURAN DAN CAJ

8. Syarikat bersetuju membayar yuran dan caj berikut:

- (a) yuran tahunan Kad apabila dikeluarkan atau diperbaharui bersama dengan apa-apa cukai barangan dan perkhidmatan atau cukai lain yang boleh dikenakan oleh mana-mana pihak berkuasa yang berkaitan dari semasa ke semasa;
- (b) caj pengendalian untuk pengeluaran Kad Pengganti;
- (c) caj bagi penyediaan salinan draf jualan/pendahuluan tunai dan apa-apa dokumen atau perkhidmatan sokongan selanjutnya yang mungkin diberikan oleh Bank dari semasa ke semasa melainkan dinyatakan sebaliknya oleh Bank;
- (d) yuran dan caj untuk apa-apa atau semua transaksi Kad yang dilakukan melalui penggunaan Kad melalui ATM termasuk tetapi tidak terhad kepada pendahuluan wang tunai dan/atau pengeluaran wang tunai; dan
- (e) apa-apa yuran dan caj lain yang boleh dikenakan oleh Bank mengikut budi bicara mutlak dari semasa ke semasa setelah memberi notis terdahulu kepada Syarikat dan Pemegang Kad selama dua puluh satu (21) hari kalendar sebelum tarikh pelaksanaan berkuat kuasa.

Kuantum yuran dan caj yang perlu dibayar adalah amaun yang ditentukan oleh Bank dan penentuan tersebut adalah muktamad dan konklusif. Yuran sedemikian boleh didebitkan ke Akaun Mastercard.

REKOD URUS NIAGA DAN MATAWANG PEMBILAN

9. (a) Bank berhak menganggap:

- (i) apa-apa draf jualan, rekod urusan niaga yang disimpan atau direkodkan secara elektronik atau selainnya, baucar kredit, draf pembayaran wang tunai dan/atau rekod caj lain yang mengandungi cetakan atau pengeluaran semula maklumat timbul yang terkandung di dalam Kad; dan/atau
- (ii) rekod pendahuluan tunai atau sebarang urusan niaga lain yang dilakukan melalui penggunaan Kad termasuk melalui pesanan pos, telefon, internet, atau apa-apa peranti atau media mekanikal, elektrik atau elektronik

sebagai bukti bahawa hutang telah berlaku dengan betul oleh Pemegang Kad dan Syarikat untuk didebitkan ke Akaun Mastercard tanpa mengambil kira apa-apa dokumen yang sedemikian mungkin tidak mengandungi tanda tangan Pemegang Kad atau bahawa tandatangan Pemegang Kad (jika ada) berbeza dengan tandatangan Pemegang Kad pada borang pencalonan untuk Kad atau rekod Bank. Pemegang Kad dan Syarikat bersetuju bahawa rekod Bank mengenai apa-apa urusan niaga yang dilakukan melalui penggunaan Kad (termasuk tetapi tidak terhad kepada urusan niaga yang telah diberi kuasa dengan kemasukan PIN ke terminal tempat jual elektronik) akan menjadi muktamad dan mengikat Pemegang Kad dan Syarikat untuk semua tujuan, kecuali jika terdapat kesilapan nyata. Tanpa mengambil kira perkara di atas, jika Bank menerima bukti dokumentasi yang memuaskan dan konklusif bahawa apa-apa urusan niaga yang dilakukan pada Kad adalah disebabkan oleh penipuan yang bukan berlaku atau disumbangkan oleh perbuatan dan/atau peninggalan di pihak Pemegang Kad dan/atau Syarikat dan dengan sentiasa menjadi syarat bahawa Pemegang Kad dan Syarikat mematuhi terma dan syarat dalam Perjanjian ini, maka Bank boleh dengan budi bicaranya melepaskan Syarikat daripada kewajibannya untuk membayar hutang yang timbul daripada transaksi penipuan itu.

- (b) Semua hutang jika ditanggung dalam mata wang selain mata wang pembilil hendaklah:
 - (i) sebelum didebitkan ke Akaun Mastercard, ditukarkan ke dalam mata wang pembilil pada kadar tukaran seperti ditentukan secara muktamad oleh MCI pada tarikh entri ke Akaun Mastercard; dan
 - (ii) tertakluk kepada caj pentadbiran sebanyak 1% daripada amaun yang diurusniagakan yang akan ditambah kepada dan/atau digabungkan dengan tukaran mata wang asing yang ditetapkan di bawah Fasal 9(b)(i) di atas pada tarikh entri ke dalam Akaun Mastercard dan caj tersebut boleh didebitkan ke Akaun Mastercard; dan
 - (iii) tertakluk kepada apa-apa yuran yang mungkin dikenakan dan ditentukan secara muktamad oleh MCI dan caj tersebut boleh didebitkan ke Akaun Mastercard.

Kadar tukaran mata wang, caj pentadbiran dan yuran yang mungkin dikenakan oleh MCI dan Bank adalah seperti yang diberitahu oleh Bank kepada Pemegang Kad dan/atau Syarikat dengan cara yang sama seperti yang dimaklumkan oleh Bank kepada Pemegang Kad dan/atau Syarikat tentang perubahan dalam kadar caj kewangan seperti yang dinyatakan dalam Fasal 13A (*Perubahan dalam Caj Kewangan dan Caj Lain*) Perjanjian ini dan boleh diubah oleh Bank dari semasa ke semasa selepas memberikan Pemegang Kad dan/atau Syarikat notis terdahulu dua puluh satu (21) hari kalendar sebelum tarikh pelaksanaan.

URUS NIAGA ATM

- 10. (a) PIN untuk Kad juga akan membolehkan Pemegang Kad mendapatkan pendahuluan tunai dan/atau pengeluaran tunai melalui ATM.
- (b) Bank tidak akan bertanggungjawab dalam apa jua cara sekalipun atas apa-apa kerugian, kerosakan, kecederaan, kesulitan atau malu walau apa pun cara ia ditanggung atau dialami oleh Pemegang Kad dan/atau Syarikat termasuk kejadian urusan niaga tidak dapat dilaksanakan atau tersilap sama ada disebabkan kecacatan, kerosakan, penghentian atau penutupan, gangguan atau kehilangan bekalan kuasa kepada ATM ("Kecacatan Teknikal") atau selainnya atau apabila Kad tidak diterima atau apabila Kad ditahan oleh ATM disebabkan oleh Kecacatan Teknikal atau atas apa-apa sebab lain kecuali jika timbul daripada dan disebabkan secara langsung oleh penipuan, kecuaiian melampau atau keingkaran sengaja Bank.
- (c) Waktu operasi, jenis operasi, kemudahan dan perkhidmatan yang tersedia kepada Pemegang Kad dan/atau Syarikat serta kekerapan dan cara penggunaan Kad untuk melaksanakan urusan niaga melalui ATM akan ditentukan oleh Bank dari semasa ke semasa mengikut budi bicaranya.
- (d) Jika Kad digunakan di ATM untuk mengendalikan Akaun Lain Pemegang Kad dan/atau Akaun Lain Syarikat, mengikut mana-mana yang berkenaan, penggunaan Kad atas Akaun Lain Pemegang Kad dan/atau Akaun Lain Syarikat, mengikut mana-mana yang berkenaan, juga tertakluk kepada terma dan syarat Bank yang mentadbir Akaun Lain Pemegang Kad dan/atau Akaun Lain Syarikat, mengikut mana-mana yang berkenaan.

PENYATA AKAUN

11. (a) (i) Penyata untuk Akaun Mastercard akan diberikan kepada Pemegang Kad dan Penyata Disatukan akan diberikan kepada Syarikat sekali sebulan atau pada selang masa sebagaimana yang Bank fikirkan sesuai kepada alamat terakhir yang diketahui dan/atau alamat e-mel Pemegang Kad dan Syarikat masing-masing dalam rekod Bank dan dengan ini dipersetujui bahawa semua penyata sedemikian akan dianggap telah diterima oleh Pemegang Kad dan Syarikat dalam tempoh empat puluh lapan (48) jam dari tarikh pengeposan
- (ii) Setelah Pemegang Kad menerima Penyata dan Syarikat menerima Penyata Disatukan, Pemegang Kad dan Syarikat hendaklah memeriksa semua entri dalam Penyata dan Penyata Disatukan masing-masing.
- (iii) Pemegang Kad dan Syarikat hendaklah memberitahu Bank secara bertulis tentang apa-apa kesilapan, percanggahan atau ketaktepatan dalam penyata dalam masa empat belas (14) hari kalendar dari tarikh Pemegang Kad dan Syarikat menerima atau dianggap menerima Penyata dan Penyata Disatukan masing-masing yang sekiranya gagal, Pemegang Kad dan Syarikat dianggap telah menerima entri dalam Penyata yang dibuat sehingga tarikh entri terakhir dalam Penyata sebagai bukti yang benar dan sebagai muktamad dan konklusif mengenai fakta-fakta yang terkandung di dalamnya.
- (iv) Bank tidak bertanggungjawab untuk memberi Pemegang Kad dan/atau Syarikat apa-apa penyata, atau salinan penyata atau slip jualan atau rekod urus niaga lain yang berkaitan dengan urus niaga yang telah berlaku lebih daripada dua belas (12) bulan dari tarikh permintaan Pemegang Kad dan/atau Syarikat.
- (b) Tanpa mengambil kira bayaran minimum yang perlu dibayar dan tarikh akhir pembayaran yang dinyatakan dalam Penyata Pemegang Kad dan Penyata Disatukan Syarikat, keseluruhan baki tertunggak pada Akaun Mastercard Pemegang Kad dan Akaun Utama Syarikat termasuk caj kewangan, caj lewat bayar dan caj-caj lain akan menjadi matang dan kena dibayar sebaik sahaja penamatan penggunaan Akaun Utama oleh Bank. Apabila:
 - (i) penggunaan mana-mana Kad tertentu oleh mana-mana Pemegang Kad tertentu ditamatkan oleh Bank di bawah Fasal 4 (*Penamatan dan/atau Penggantungan Kad dan Akaun Utama*) Perjanjian ini atau Bank enggan mengeluarkan Kad pengganti kepada mana-mana Pemegang Kad tertentu di bawah Fasal 5 (*Kecurian atau Kehilangan atau Penggunaan Menipu Kad dan Peranti Mudah Alih/Peranti Utama*) Perjanjian ini; atau
 - (ii) Syarikat atau mana-mana Pemegang Kad tertentu menamatkan penggunaan mana-mana Kad berhubung dengan Pemegang Kad tertentu di bawah Fasal 3(c) (*Tandatangan pada Kad dan Pematuhan Undang-undang*) Perjanjian ini atau gagal memperbaharui Kad di bawah Fasal 6 (*Pembaharuan Kad*) Perjanjian ini.keseluruhan baki tertunggak pada Akaun Mastercard Pemegang Kad termasuk caj kewangan, caj lewat bayar dan semua caj lain yang diberikan di dalamnya akan matang serta merta dan kena dibayar. Pemegang Kad dan Syarikat bersetuju bahawa semua peruntukan dalam Perjanjian ini akan terus berkuatkuasa dan berkesan tanpa mengambil kira penamatan Akaun Utama atau penggunaan mana-mana Kad tertentu. Selepas penamatan Akaun Utama atau penggunaan mana-mana Kad tertentu Bank boleh terus mendebitkan wang tambahan (termasuk tetapi tidak terhad kepada caj kewangan, caj lewat bayar dan caj lain yang disediakan di dalam ini) kepada Akaun Mastercard Pemegang Kad dan/atau Akaun Utama Syarikat dan wang tambahan yang didebitkan juga akan menjadi matang dan kena dibayar dengan serta-merta.
- (c) Tanpa mengambil kira penggantungan atau penamatan penggunaan Kad, caj lewat bayar, caj pentadbiran dan apa-apa caj lain yang terpakai akan terus dikenakan atas semua wang yang masih terhutang dan belum dibayar.
- (d) Jika Bank tidak dapat menghantar Penyata Disatukan kepada Syarikat, liabiliti Syarikat tetap akan diteruskan dan untuk tujuan mengira caj kewangan, caj lewat bayar dan apa-apa caj lain dan untuk menetapkan tarikh matang pembayaran faedah dan prinsipal, Bank boleh memilih mana-mana hari dalam sebulan sebagai tarikh Penyata Disatukan bulanan.

PENDAHULUAN TUNAI / PENGELUARAN TUNAI

12. (a) Pemegang Kad boleh mendapatkan pendahuluan tunai pada amaun seperti yang dimaklumkan kepada Pemegang Kad dalam lembaran pendedahan produk Bank ("PDS") untuk Kad yang telah disediakan kepada Pemegang Kad serta boleh diakses di alamat laman web Bank di www.cimb.com.my/business atau selainnya dinyatakan secara bertulis dari semasa ke semasa, dengan cara yang berikut:
 - (i) menunjukkan Kad di mana-mana cawangan Bank atau mana-mana institusi anggota MCI bersama-sama dengan bukti mengenai identitinya dan menandatangani rekod urus niaga yang perlu;
 - (ii) penggunaan Kad di mana-mana ATM Bank atau mana-mana bank atau institusi lain yang mana Bank mempunyai suatu pengaturan untuk penggunaan ATM di bank atau institusi tersebut (apabila amaun setiap pendahuluan akan tertakluk kepada had pengeluaran setiap hari ATM tersebut); atau
 - (iii) untuk semua urus niaga luar negara melalui ATM dan/atau mana-mana institusi anggota MCI, maka kadar tukaran (jika berkenaan) yang dikenakan untuk pengeluaran tunai sedemikian adalah kadar tukaran semasa yang ditentukan oleh Bank mengikut budi bicaranya dari semasa ke semasa. Pemegang Kad dan Syarikat akan bertanggungjawab sepenuhnya untuk memastikan bahawa urus niaga tersebut tidak melanggar undang-undang yang ada di negara di mana urus niaga dijalankan.
- (b) Caj kewangan akan terakru pada setiap pendahuluan tunai dari tarikh pendahuluan sehingga pembayaran balik sepenuhnya pada kadar maksimum 1.5% sebulan, yang bersamaan dengan 18% setahun (atau pada kadar yang Bank, mengikut budi bicara mutlakannya, tetapkan jika ia diluluskan oleh Bank Negara Malaysia), yang kadarnya akan dimaklumkan kepada Pemegang Kad dan Syarikat dalam Penyata dan/atau Penyata Disatukan atau secara bertulis dari masa ke semasa. Yuran pendahuluan tunai akan dinilai berdasarkan jumlah setiap pendahuluan tunai pada kadar 5.0% daripada amaun yang dikeluarkan (tertakluk kepada minimum RM15.00), mana yang lebih tinggi dan akan dicaj ke Akaun Mastercard. Yuran pendahuluan tunai akan dinyatakan dalam Penyata dan/atau Penyata Disatukan atau selainnya secara bertulis dari semasa ke semasa dan boleh diubah oleh Bank dari semasa ke semasa selepas memberi notis dua puluh satu (21) hari kalendar kepada Pemegang Kad sebelum tarikh pelaksanaan.
- (c) Pemegang Kad dan Syarikat bersetuju untuk bertanggungjawab atas semua pendahuluan tunai yang dilakukan melalui Kad tanpa mengira sama ada pengeluaran tersebut dilakukan di dalam atau di luar had kredit yang ditetapkan.

CAJ KEWANGAN

13. (a) (i) Seperti yang dibenarkan di bawah garis panduan kad kredit Bank Negara Malaysia (atau garis panduan lain yang akan dikenakan dari semasa ke semasa), Bank akan mengenakan caj kewangan atas baki tertunggak Syarikat kecuali baki yang berkaitan dengan caj kewangan dan caj akhir yang dibawa ke hadapan dari Penyata sebelumnya (dan berkenaan dengan urus niaga runcit baru, caj kewangan akan bermula dari tarikh urus niaga runcit diposkan ke Akaun Mastercard) tertakluk kepada kadar maksimum semasa berikut: -
 - (i-i) 1.25% sebulan, yang bersamaan 15% setahun, atas jumlah baki tertunggak apabila Syarikat telah menyelesaikan bayaran minimumnya selama dua belas (12) bulan berturut-turut;
 - (i-ii) 1.42% sebulan, yang bersamaan 17% setahun, atas jumlah baki tertunggak apabila Syarikat telah menyelesaikan bayaran minimumnya sekurang-kurangnya sepuluh (10) bulan dalam kitaran dua belas (12) bulan; dan
 - (i-iii) 1.50% sebulan, yang bersamaan 18% setahun, atas jumlah baki tertunggak apabila Syarikat tidak berada sama ada dalam (aa) atau (bb) di atas.
- (ii) Tanpa mengambil kira Fasal 13(a)(i) di atas, jika Syarikat telah menyelesaikan sepenuhnya baki tertunggak dalam bulan sebelumnya seperti yang dibuktikan oleh Penyata bulan semasa, Syarikat akan menikmati "tempoh caj kewangan percuma" sekurang-kurangnya dua puluh (20) hari kalendar bermula dari tarikh Penyata bulan semasa apabila Urus Niaga Runcit tersebut diposkan ke Akaun Mastercard, dan caj kewangan tidak akan dikenakan atas mana-mana Urus Niaga Runcit baru untuk "tempoh caj

keuangan percuma" tersebut. Bagi Syarikat yang belum menyelesaikan sepenuhnya baki tertunggak bulan sebelumnya, ia tidak akan menikmati "tempoh caj kewangan percuma" seperti yang disebutkan sebelum ini. Urus Niaga Runcit bermaksud urus niaga selain pendahuluan tunai dan pertaruhan atau urus niaga permainan.

- (iii) Tertakluk kepada Fasal 11(b)(Penyata Akaun) Perjanjian ini, Syarikat boleh memilih untuk tidak melunaskan Baki Baru secara penuh yang Syarikat mesti, pada atau sebelum tarikh tamat yang dinyatakan dalam Penyata tersebut ("Tarikh Matang"), membayar tidak kurang daripada bayaran minimum yang dikira pada 5% daripada *Baki Semasa (seperti yang ditakrifkan di bawah) + 100% cukai perkhidmatan dan apa-apa cukai nilai tambah lain yang dikenakan (jika ada) + 100% semua ansuran matang atas apa-apa program/perkiraan yang dikendalikan oleh Bank (jika ada) + apa-apa bayaran minimum yang belum dibayar yang dinyatakan dalam Penyata bulan sebelumnya, atau RM50.00 mana yang lebih tinggi.

* Baki semasa = jumlah urus niaga runcit (jika ada) + jumlah pendahuluan tunai (jika ada) + caj kewangan dan/atau caj lewat bayar dan apa-apa yuran dan caj lain yang berkaitan (jika ada).

- (iv) Apa-apa baki belum dibayar yang timbul daripada pembelian barangan dan/atau perkhidmatan dan/atau pendahuluan tunai pada Tarikh Matang adalah tertakluk kepada caj kewangan sehingga pembayaran penuh amaun tertunggak.
- (v) Caj kewangan akan dikenakan atas baki yang masih tertunggak dalam akaun dari tarikh penyata bulanan yang sebelumnya, yang timbul daripada pembelian barangan dan/atau perkhidmatan dan/atau pendahuluan tunai, yang akan dikira pada asas harian.
- (vi) Sekiranya Baki Baru melebihi had kredit yang ditetapkan yang diberikan kepada Pemegang Kad, Bank boleh pada bila-bila masa meminta Syarikat supaya dengan serta-merta membayar keseluruhan amaun yang melampaui had kredit ditetapkan yang dinyatakan itu ("amaun yang melampaui had kredit yang ditetapkan"). Sehingga Bank menghendaki Syarikat membayar jumlah yang melampaui had kredit yang ditetapkan, Syarikat hendaklah membuat bayaran minimum yang kena dibayar sebagaimana yang dinyatakan dalam Fasal 13(a)(iii) di atas.
- (b) Semua bayaran untuk pembelian barangan dan/atau perkhidmatan dan pendahuluan tunai yang dilakukan oleh penggunaan Kad dan semua yuran tahunan, caj pengendalian, caj tambahan, caj kewangan dan/atau caj bayar lewat dan apa-apa yuran dan caj lain yang berkaitan akan didebitkan ke Akaun Mastercard dalam mata wang pembilan dan akan ditunjukkan dalam Penyata.

PERUBAHAN PADA CAJ KEWANGAN DAN CAJ LAIN

- 13A. (a) Tanpa menjejaskan hak Bank dalam Fasal 24 (*Pindaan*) Perjanjian ini, Bank berhak dari semasa ke semasa untuk mengubah atau menyemak kadar atau kaedah pengiraan caj kewangan, yuran tahunan, caj pengendalian, bayaran minimum yang perlu dibayar, caj lewat bayar dan apa-apa yuran atau levi lain yang diperuntukkan di dalam ini dengan memberikan notis dua puluh satu (21) hari kalendar sebelum tarikh pelaksanaan berkuat kuasa kepada Pemegang Kad dan/atau Syarikat. Pemberitahuan kepada Pemegang Kad dan Syarikat berkenaan perubahan dan tarikh kuat kuasa bagi apa-apa perubahan sedemikian adalah dengan menyiarkan notis di ruang perbankan Bank dan/atau laman web Bank. Sekiranya praktikal, Bank juga boleh memaklumkan Pemegang Kad melalui mana-mana cara berikut:
- (i) dengan cara penerbitan tunggal dalam satu atau lebih akhbar mengenai pilihan Bank berkenaan perubahan sedemikian dan tarikh perubahan berkuat kuasa; dan/atau
- (ii) dengan memasukkan sisipan dalam Penyata dan Penyata Disatukan berkenaan perubahan sedemikian dan tarikh perubahan berkuat kuasa; dan/atau
- (iii) dengan menyiarkan notis mengenai perubahan sedemikian dan tarikh perubahan berkuat kuasa kepada Pemegang Kad dan/atau Syarikat melalui pos biasa atau berdaftar; dan/atau
- (iv) dengan menghantar notis mengenai perubahan sedemikian dan tarikh perubahan berkuat kuasa melalui SMS atau mel elektronik kepada Pemegang Kad dan/atau Syarikat.
- (b) Komunikasi yang dibuat oleh Bank di bawah ini akan disifatkan telah diterima oleh atau dikomunikasikan kepada Pemegang Kad dan Syarikat:

- (i) pada tarikh penyiaran notis di ruang perbankan Bank atau laman web;
- (ii) pada tarikh penerbitan pertama dalam mana-mana akhbar pilihan Bank sekiranya komunikasi dibuat atau dilaksanakan oleh Bank mengikut peruntukan Fasal 13A(a)(i) di atas;
- (iii) tiga (3) hari kalendar selepas tarikh penyiaran Penyata atau Penyata Disatukan dihantar kepada Pemegang Kad atau Syarikat jika komunikasi dibuat atau dilaksanakan oleh Bank mengikut peruntukan Fasal 13A(a)(ii) di atas;
- (iv) tiga (3) hari kalendar selepas tarikh penyampaian notis dihantar kepada Pemegang Kad atau Syarikat melalui pos biasa atau berdaftar sekiranya komunikasi dibuat atau dilaksanakan oleh Bank mengikut peruntukan Fasal 13A(a)(iii) di atas; dan/atau
- (v) pada tarikh notis perubahan tersebut dihantar melalui SMS atau mel elektronik kepada Pemegang Kad atau tarikh notis perubahan itu disiarkan di laman web Bank mengikut peruntukan Fasal 13A(a)(iv) di atas.

Keputusan Bank tentang kadar faedah yang dikenakan pada bila-bila masa pada Akaun Mastercard Pemegang Kad atau kaedah pengiraannya adalah muktamad dan konklusif dan dianggap sebagai mengikat Pemegang Kad dan Syarikat, kecuali jika terdapat kesilapan nyata.

CAJ LEWAT BAYAR

14. (a) Tanpa mengambil kira Fasal 13(a)(iii) di atas, sekiranya Syarikat gagal membuat pembayaran minimum yang kena dibayar pada tarikh matang, caj lewat bayar sebanyak 1% atas baki belum dibayar yang timbul daripada urus niaga runcit dan urus niaga pendahuluan tunai (tertakluk kepada minimum RM10.00 dan maksimum RM100.00 atau had lain yang boleh ditentukan oleh Bank dengan syarat had yang ditentukan oleh Bank itu tidak melebihi had ditetapkan oleh Undang-undang dan Peraturan yang terpakai) akan dikenakan untuk setiap bulan bayaran minimum tidak dibayar. Caj lewat bayar dikenakan dengan cara ganti rugi jumlah tertentu dan bukan sebagai penalti dan akan dibayar sebelum, dan juga selepas mana-mana perintah atau penghakiman mahkamah. Walau bagaimanapun, Bank boleh memberikan tempoh tangguh empat (4) hari kalendar selepas tarikh matang pembayaran apabila tarikh matang pembayaran jatuh pada hujung minggu atau cuti umum.
- (b) Apabila penggunaan Kad ditamatkan, caj lewat bayar akan terus dikenakan.

PENUTUPAN AKAUN

15. Bank akan menutup Akaun Mastercard Pemegang Kad sebaik sahaja menerima permohonan penutupan daripada Syarikat atau apabila penggunaan Kad ditamatkan atau pada bila-bila masa lain yang dianggap sesuai dengan notis terdahulu kepada Pemegang Kad dan/atau Syarikat tanpa tertakluk kepada apa-apa yuran dan caj yang dikenakan oleh Bank kepada Pemegang Kad. Berhubung dengan penutupan tersebut Bank akan mengaturkan bayaran balik kepada Syarikat baki dalam akaun tersebut, jika ada, dalam masa tiga puluh (30) hari kalendar dengan cara Perintah Juruwang atau Draf Bank untuk dihantar melalui pos atau dengan apa-apa cara lain atau cara pembayaran lain seperti yang ditentukan oleh Bank.

PERMOHONAN PEMBAYARAN

16. Semua pembayaran kepada Bank mesti dibuat dalam mata wang pembilan. Pembayaran oleh Syarikat kepada Bank tidak akan dianggap telah dibuat sehingga dana yang berkaitan yang bernilai telah diterima oleh Bank. Semua pembayaran menggunakan cek mesti termasuk komisen pertukaran dalaman apabila terpakai. Kegagalan untuk memasukkan komisen pertukaran dalaman itu akan memberi hak kepada Bank untuk mendebitkannya daripada Akaun Utama atau mana-mana Akaun Mastercard yang dibuka untuk kepentingan Syarikat atau melaksanakan haknya untuk menolak selesai sebagaimana yang dianggap wajar oleh Bank. Pembayaran yang dibuat oleh Syarikat kepada Bank sama ada melalui debit langsung daripada Akaun Lain Syarikat atau selainnya akan digunakan untuk menyelesaikan baki-baki (iaitu item yang terdapat di dalam Penyata) yang dikenakan faedah tertinggi terlebih dahulu. Bank diberi kuasa (tetapi tidak diwajibkan) untuk memindahkan pembayaran daripada satu akaun kad kredit ke akaun kad kredit lain (untuk semua akaun di dalam Syarikat yang sama) untuk melazimkan apa-apa tunggakan dalam akaun lain.

PENEPIAN

17. (a) Penerimaan Bank akan pembayaran lewat atau pembayaran separa atau cek atau kiriman wang yang ditandakan sebagai pembayaran sepenuhnya atau penepian oleh Bank akan hak atau kelonggarannya kepada Syarikat tidak akan menghalang Bank daripada menguatkuasakan mana-mana haknya di bawah Perjanjian ini untuk mengutip amaun yang kena dibayar di bawah ini dan juga penerimaan sedemikian bukanlah persetujuan terhadap pengubahsuaian Perjanjian ini dalam apa-apa cara.
- (b) Hak Bank dalam Perjanjian ini adalah kumulatif, boleh dijalankan seberapa kerap yang dianggap sesuai dan sebagai tambahan kepada haknya di bawah mana-mana undang-undang yang terpakai. Hak Bank dalam Perjanjian ini tidak boleh diketepikan atau diubah, kecuali dengan ungkapan penepian atau perubahan secara bertulis, dan apa-apa kegagalan untuk melaksanakan atau apa-apa kelewatan dalam menjalankan atau apa-apa pelaksanaan yang salah atau sebahagian daripada mana-mana hak sedemikian adalah tidak dianggap sebagai penepian atau perubahan hak atau mana-mana hak lain sedemikian dan tiada tindakan atau rundingan bagi bahagiannya atau bagi pihaknya akan dengan apa-apa cara menghalangnya daripada menjalankan apa-apa hak itu atau menjadi penggantungan atau apa-apa perubahan apa-apa hak sedemikian.

BAYARAN MENGGUNAKAN CEK

18. Cek yang dihantar oleh Syarikat sebagai bayaran dan yang kemudiannya tidak dilayan boleh dikembalikan oleh utusan atau melalui kurier atau melalui pos kepada Syarikat atas risiko dan perbelanjaan Syarikat sendiri. Bank tidak akan bertanggungjawab kepada Syarikat sekiranya cek tak laku itu hilang dalam transit melainkan berpunca daripada dan disebabkan secara langsung oleh penipuan, kecuaiian melampau atau keingkaran sengaja Bank.

BAYARAN TERDAHULU

19. (a) Sekiranya Syarikat membayar apa-apa amaun yang melebihi Baki Baru ("**bayaran terdahulu**"), Bank boleh pada bila-bila masa mengikut budi bicaranya berhak untuk mengesahkan sumber dana pendahuluan itu. Tertakluk kepada Bank memuaskan hatinya dengan pengesahan, Bank, tanpa menjejaskan mana-mana hak Bank lain di bawah Perjanjian ini, boleh menggunakan bayaran terdahulu itu bagi obligasi pembayaran Syarikat untuk pembelian dan urus niaga yang dilakukan menggunakan Kad. Sementara menunggu pengesahan Bank tentang sumber dana bayaran terdahulu:
- (i) Bank berhak untuk menggantung penggunaan Kad dan/atau menolak apa-apa percubaan urus niaga pada Kad oleh Pemegang Kad selepas bayaran terdahulu; dan
- (ii) apa-apa jumlah wang yang ada pada kredit Akaun Mastercard akibat bayaran terdahulu tidak akan dikembalikan kepada Syarikat.
- (b) Sekiranya sumber dana daripada bayaran terdahulu ialah daripada institusi kewangan lain dengan pengaturan "pemindahan baki" atau selainnya dan bayaran terdahulu sedemikian menyebabkan suatu jumlah berbaki kredit dalam Akaun Mastercard, Bank akan mengembalikan kepada institusi kewangan itu jumlah wang yang ada pada kredit Akaun Mastercard dan bayaran balik ini akan ditunjukkan dalam Penyata dan Penyata Disatukan yang dikeluarkan kepada Pemegang Kad dan Syarikat masing-masing.

TOLAK SELESAI

20. Bank boleh, dengan memberikan Syarikat notis terdahulu tujuh (7) hari kalendar menggabungkan atau menyatukan semua atau mana-mana akaun Syarikat dengan Bank di mana-mana sahaja dan sama ada dalam Ringgit Malaysia atau dalam apa-apa mata wang lain atau menolak selesai atau memindahkan apa-apa jumlah wang berbaki kredit dalam mana-mana akaun sedemikian termasuk akaun bersama dengan mana-mana pihak ketiga yang lain dalam atau melepaskan semua jumlah yang terhutang kepada Bank sekarang atau selepas ini di bawah mana-mana akaun Syarikat dan/atau Obligor dengan Bank di mana-mana sahaja berada dan sama ada dalam Ringgit Malaysia atau dalam apa-apa mata wang lain dan boleh berbuat demikian tanpa mengambil kira baki pada akaun itu dan jumlah wang yang kena dibayar mungkin tidak dinyatakan dalam mata wang yang sama dan Syarikat memberi kuasa kepada Bank untuk melaksanakan apa-apa penggabungan, penyatuan, tolak selesai atau pemindahan sedemikian dengan penukaran yang perlu pada kadar tukaran semasa Bank yang

akan ditentukan oleh Bank mengikut budi bicaranya. Dalam hal ini, Bank boleh memperuntukkan secara serentak apa-apa dana yang ada dalam akaun deposit Syarikat terhadap baki tertunggak Syarikat setelah memberikan notis kepada Syarikat.

KOS GUAMAN DAN INDEMNITI

21. (a) Syarikat bertanggungjawab membayar Bank semua kos guaman (termasuk tetapi tidak terhad kepada kos guaman atas asas peguamcara dan klien), caj dan perbelanjaan yang mungkin dikenakan Bank dalam menguatkuasakan atau berusaha untuk menguatkuasakan Perjanjian ini atau untuk mendapatkan atau cuba mendapatkan bayaran semua atau mana-mana bahagian wang yang terhutang oleh Syarikat.
- (b) Sebagai tambahan kepada dan tanpa menjejaskan semua hak lain yang tersedia kepada Bank, kecuali disebabkan dan disebabkan secara langsung oleh penipuan, kecuaiian melampau atau keingkaran sengaja Bank, Syarikat selanjutnya berjanji untuk menanggung rugi dan memastikan Bank ditanggung rugi daripada dan terhadap semua tuntutan, tuntutan, tindakan, prosiding, kerugian dan perbelanjaan bersama dengan semua faedah dan caj dan semua liabiliti, keterhutangan dan wang lain yang kena dibayar dan disebabkan oleh apa jua sifat atau perihalan yang boleh dibuat atau diambil atau ditanggung atau dialami oleh Bank berkaitan dengan atau dengan apa jua cara yang timbul daripada penggunaan Kad oleh dan/atau pengeluaran Kad kepada Pemegang Kad dan/atau penguatkuasaan mana-mana hak Bank di bawah ini.

FORCE MAJEURE

22. Tanpa menjejaskan mana-mana peruntukan Perjanjian ini, Pemegang Kad dan Syarikat tidak akan akan mempertanggungjawabkan Bank sekiranya Bank tidak dapat melaksanakan keseluruhan atau sebahagian daripada tanggungjawabnya dalam Perjanjian ini, yang boleh disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh kegagalan apa-apa peranti mekanikal atau elektronik, sistem pemprosesan data, talian penghantaran, kegagalan elektrik, pertikaian industri, apa-apa tindakan yang di luar kawalan Bank atau disebabkan oleh apa-apa faktor dalam keadaan force majeure. Apa-apa ketakupayaan untuk menunaikan pembayaran yang matang oleh Syarikat kepada Bank kerana kekurangan dana tidak akan dianggap sebagai peristiwa force majeure. Sekiranya Bank tidak dapat mengemukakan Pemegang Kad dengan Penyata dan/atau Syarikat dengan Penyata Disatukan mengikut peruntukan Perjanjian ini untuk apa-apa tempoh masa, liabiliti Syarikat untuk caj kewangan dan caj lain akan terus terakru dan untuk tujuan mengira faedah yang perlu dibayar kepada Bank atau menetapkan tarikh matang untuk pembayaran faedah dan prinsipal, Bank boleh memilih mana-mana hari dalam sebulan sebagai tarikh penyata bulanan.

BANK TIDAK BERTANGGUNGJAWAB ATAS TINDAKAN SAUDAGAR DAN PIHAK KETIGA LAIN

23. (a) Bank tidak akan bertanggungjawab atas keengganan mana-mana saudagar atau institusi anggota MCI untuk menghormati atau menerima Kad atau apa-apa kecacatan atau kekurangan barangan atau perkhidmatan yang dibekalkan kepada Pemegang Kad dan/atau Syarikat oleh mana-mana saudagar. Apa-apa aduan oleh Pemegang Kad dan/atau Syarikat mesti diselesaikan secara langsung dengan saudagar atau institusi anggota MCI yang berkenaan dan tiada tuntutan terhadap saudagar atau institusi anggota MCI boleh ditolak selesai atau dituntut balas terhadap Bank. Selain itu, Pemegang Kad dan Syarikat bersetuju untuk bertanggungjawab terhadap jumlah yang ditanggung dan tidak akan menahan pembayaran kepada Bank atas apa-apa aduan sedemikian atau dalam apa jua keadaan sekalipun. Barangan dan perkhidmatan yang diperoleh menggunakan Kad tidak akan ditukar atau dikembalikan untuk pembayaran balik tunai tetapi baucar kredit akan dikeluarkan oleh saudagar untuk tujuan ini. Setelah menerima apa-apa baucar kredit, Bank akan mengkreditkannya ke dalam Akaun Mastercard Pemegang Kad. Kecuali baucar kredit yang dikeluarkan diterima oleh Bank, Pemegang Kad dan Syarikat akan terus bertanggungjawab terhadap amaun yang ditanggung.
- (b) Tanpa menjejaskan Fasal 23 (a) di atas, Bank tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerosakan yang dialami atau kerugian yang ditanggung oleh Pemegang Kad dan/atau Syarikat dalam apa jua keadaan sekalipun (kecuali jika timbul daripada dan disebabkan secara langsung oleh penipuan, kecuaiian melampau atau keingkaran sengaja Bank) sama ada keadaan sedemikian berkaitan dengan atau timbul daripada Perjanjian ini termasuk

tetapi tidak terhad kepada Kad tidak diterima oleh mana-mana saudagar, orang atau badan atau tidak diterima oleh mana-mana bank atau mana-mana institusi anggota MCI untuk pendahuluan tunai, penolakan Kad oleh mana-mana ATM, tidak dibaharui, sekatan atau pembatalan had atau kemudahan kredit, penyenaian nombor Kad tersebut dalam mana-mana senarai pembatalan atau dalam apa-apa keadaan yang mana Bank berkewajipan untuk bertindak secara munasabah untuk melindungi haknya di bawah peruntukan Perjanjian ini.

- (c) Bank tidak akan bertanggungjawab dalam apa jua cara untuk sebarang kerugian atau ganti rugi yang diakibatkan kepada Pemegang Kad, oleh MCI dan/atau anggota institusinya. Pemegang Kad hendaklah mengendalikan sebarang tuntutan terhadap atau pertikaian dengan MCI dan/atau anggota institusinya secara langsung dengan entiti tersebut. Jika tuntutan atau pertikaian tersebut timbul, Pemegang Kad tidak boleh menahan sebarang pembayaran kepada Bank di bawah terma-terma dan syarat-syarat ini.

PINDAAN

24. (a) Bank berhak mengubah (sama ada melalui penambahan, pemotongan, pengubahsuaian, pemindaan atau selainya) ("**Pindaan**") mana-mana terma dan syarat dalam Perjanjian ini dari semasa ke semasa setelah memberikan notis terdahulu dua puluh satu (21) hari kalendar dan ia akan berkuat kuasa pada tarikh seperti yang dimaklumkan oleh Bank. Atas budi bicara Bank, pemberitahuan Pindaan atau apa-apa komunikasi atau notis lain kepada Pemegang Kad boleh dilaksanakan melalui mana-mana cara komunikasi berikut:

- dengan menghantarnya kepada Pemegang Kad dan Syarikat melalui kurier atau dengan tangan;
- dengan menyiarkan suatu notis di premis Bank yang menyatakan pindaan tersebut dan tarikh perubahan berkuat kuasa;
- dengan cara penerbitan tunggal dalam satu atau lebih akhbar pilihan Bank mengenai perubahan sedemikian dan tarikh perubahan berkuat kuasa;
- dengan memasukkan sisipan dalam Penyata atau Penyata Disatukan tentang perubahan tersebut dan tarikh perubahan berkuat kuasa;
- dengan menyiarkan notis mengenai perubahan itu dan tarikh perubahan berkuat kuasa kepada Pemegang Kad dan Syarikat melalui pos biasa atau berdaftar; dan/atau
- dengan menghantar notis mengenai perubahan sedemikian dan tarikh perubahan berkuat kuasa melalui SMS atau mel elektronik kepada Pemegang Kad dan Syarikat atau dengan menyiarkan notis perubahan itu dan tarikh perubahan berkuat kuasa pada laman web Bank.

Komunikasi kepada Pemegang Kad dan Syarikat menggunakan mana-mana satu daripada mod komunikasi di atas akan dianggap telah diterima oleh atau disampaikan kepada Pemegang Kad dan Syarikat mengikut peruntukan Fasal 13A (b) (*Perubahan dalam Caj Kewangan dan Caj-caj Lain*) dan dalam hal apabila notis Pindaan dihantar kepada Pemegang Kad dan Syarikat melalui kurier atau tangan, pada hari penghantaran.

Perubahan sedemikian akan terpakai pada tarikh kuat kuasa yang ditetapkan oleh Bank dan akan terpakai untuk semua baki tertunggak dalam Akaun Mastercard. Pengekalan atau penggunaan Kad selepas tarikh berkuat kuasa apa-apa perubahan terma dan syarat dalam Perjanjian ini akan dianggap sebagai penerimaan perubahan tersebut tanpa syarat oleh Pemegang Kad dan Syarikat.

- (b) Perjanjian ini (dengan semua perjanjian sampingan seperti yang dipinda oleh Bank dari semasa ke semasa) mengandungi, dan dimaksudkan sebagai, penyata lengkap semua syarat dan pengaturan antara pihak-pihak yang berkenaan dengan perkara-perkara yang diperuntukkan di sini, dan menggantikan mana-mana perjanjian dan pemahaman yang sebelumnya antara pihak-pihak dalam dokumen ini dengan perkara-perkara sedemikian.

KEBOLEHASINGAN

25. Sekiranya mana-mana peruntukan Perjanjian ini menjadi tidak sah, menyalahi undang-undang atau tidak boleh dikuatkuasakan dalam apa-apa cara di bawah mana-mana undang-undang, kesahan dan kebolehuatkuasaan peruntukan yang selebihnya tidak akan terjejas atau berkurang.

PENDEDAHAN

26. (a) Pemegang Kad dan Perbadanan bersetuju bahawa Bank dibenarkan untuk mendedahkan sebarang maklumat atau dokumen yang berkaitan dengan Pemegang Kad dan/atau Perbadanan, hal ehwal Pemegang Kad dan/atau Perbadanan dan/ atau mana-mana akaun yang diselenggarakan oleh Pemegang Kad dan/atau Perbadanan dengan Bank kepada orang tersebut di bawah Jadual 11 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 termasuk:

- Bank Negara Malaysia atau pihak berkuasa kawal selia lain atau pihak berkuasa atau badan penguatkuasaan (kerajaan atau sebaliknya) di bawah mana-mana undang-undang terpakai di dalam atau di luar Malaysia;
- menurut mana-mana sepina atau permintaan atau perintah mahkamah; dan
- di mana pendedahan diperlukan atau dibenarkan oleh undang-undang terpakai.

- (b) Pemegang Kad dan Perbadanan juga bersetuju, membenarkan dan memberi kuasa kepada Bank untuk mendedahkan apa-apa maklumat atau dokumen yang berkaitan dengan Pemegang Kad dan/atau Perbadanan, hal ehwal Pemegang Kad dan/atau Perbadanan dan/ atau mana-mana akaun yang dikekalkan oleh Pemegang Kad dan/atau Perbadanan dengan Bank kepada:

- mana-mana ejen, penyedia perkhidmatan, juruaudit, penasihat undang-undang dan/atau penasihat profesional, di dalam atau di luar Malaysia, untuk memudahkan dan/atau melindungi perniagaan, operasi, kemudahan dan perkhidmatan yang disediakan yang berkaitan dengan apa-apa maklumat atau dokumen berkaitan dengan Pemegang Kad dan/atau Perbadanan, hal ehwal Pemegang Kad dan/atau Perbadanan dan/ atau mana-mana akaun yang dikekalkan oleh Pemegang Kad dan/atau Perbadanan dengan Bank;
- mana-mana entiti dalam kumpulan CIMB Group Holdings Berhad, Perbadanan pemegang muktamad Bank (secara kolektif "Kumpulan Perbadanan") sama ada Kumpulan Perbadanan tersebut memastautin, terletak, menjalankan perniagaan, ditubuhkan atau diperbadankan di dalam atau di luar Malaysia, untuk memudahkan perniagaan, operasi, kemudahan dan perkhidmatan atau diberikan atau disediakan oleh Bank dan/ atau Kumpulan Perbadanan kepada pelanggan mereka;
- mana-mana orang yang telah menjamin atau mungkin menjamin atau sebaliknya telah memberikan sekuriti atau boleh memberikan sekuriti berkaitan dengan penggunaan Kad;
- mana-mana tribunal, mahkamah, agensi atau badan atau pihak berkuasa berkaitan lain dengan siapa Bank dikehendaki untuk membuat pendedahan atau mempunyai bidang kuasa ke atas Bank sama ada di dalam atau di luar Malaysia untuk mematuhi apa-apa perintah, tuntutan, permintaan atau keperluan pelaporan, atau bagi tujuan litigasi berpotensi atau litigasi yang melibatkan Bank apabila dan bila diperlukan atau diminta untuk membuat sedemikian dari semasa ke semasa dan pada bila-bila masa;
- mana-mana Perbadanan dan/atau organisasi yang membantu atau memudahkan pemrosesan dan/atau pemenuhan transaksi atau arahan yang diminta dan/atau diberikan oleh Pemegang Kad dan/atau Perbadanan kepada Bank;
- mana-mana orang yang membantu Bank dalam mendapatkan kembali apa-apa wang yang kena dibayar dan terhutang daripada Pemegang Kad dan/atau Perbadanan kepada Bank (termasuk tetapi tidak terhad kepada agensi pengutipan hutang, pekerja dan ejennya);
- mana-mana peniaga dan mana-mana institusi ahli MCI dan/atau mana-mana orang atau entiti yang mempunyai kepentingan sah dalam Pemegang Kad setakat mana yang ia berkaitan dengan penggunaan Kad oleh Pemegang Kad;
- mana-mana penanggung insurans atau broker insurans atau pembekal perlindungan kredit Bank langsung atau tidak langsung atau yang diperlukan untuk penyelenggaraan dan/atau pemudahcaraan penyediaan Kad kepada Pemegang Kad dan/atau Perbadanan;

- (ix) mana-mana penerima pindahan atau pemegang serah hak berpotensi dengan sesiapa Bank yang sedang merundingkan pindah milik, penyerahan hak atau novasi hak atau kewajipan di bawah terma-terma dan syarat-syarat ini; dan
 - (x) pihak ketiga tersebut dan untuk tujuan seperti yang dikenal pasti dalam Notis Privasi Kumpulan CIMB di bawah tajuk 'Pendedahan Maklumat Peribadi Anda' dan 'Bagaimana Kami Menggunakan Maklumat Peribadi Anda' masing-masing;
- (c) Selanjutnya, Pemegang Kad dan Perbadanan bersetuju, membenarkan dan memberi kuasa kepada Bank untuk:
- (i) membuat laporan (termasuk laporan polis) dan/atau pekeliling dan/atau memasukkan iklan atau menerbitkan atau memaparkan notis (termasuk sebarang iklan dalam mana-mana media) yang menggabungkan mana-mana atau semua butir-butir peribadi Pemegang Kad dan/atau butir-butir Perbadanan, butir-butir akaunnya yang berkaitan dengan Kad (termasuk tetapi tidak terhad kepada akaun dan status kewangan Pemegang Kad dan/atau Perbadanan) yang mungkin dianggap perlu oleh Bank untuk tujuan mendapatkan kembali apa-apa wang yang kena dibayar dan tertunggak oleh Perbadanan kepada Bank;
 - (ii) menyamak kedudukan kredit pemohon untuk Kad dan/atau butir-butir peribadi Pemegang Kad dan/atau butir-butir, urusan dan kedudukan kredit dengan pihak ketiga Perbadanan termasuk Perbadanan, individu, agensi, institusi kewangan atau badan lain dan untuk mendapatkan daripadanya maklumat seperti yang mungkin akan diperlukan oleh Bank; dan
 - (iii) mendedahkan antara satu sama lain (iaitu maklumat Pemegang Kad kepada Perbadanan dan maklumat Perbadanan kepada Pemegang Kad) maklumat yang dirujuk dalam subperenggan (ii) di atas dan sebarang maklumat yang Bank anggap patut berkenaan dengan Akaun Mastercard dan Akaun Lain Pemegang Kad dan/atau Akaun Lain Perbadanan, mengikut mana-mana yang berkenaan.

- (d) Pemegang Kad dan Perbadanan memahami dan bersetuju bahawa kebenaran yang diberikan di atas tidak boleh ditarik balik jika pendedahan maklumat Pemegang Kad dan/atau Perbadanan sedemikian diperlukan untuk penyediaan perkhidmatan yang berkaitan dengan Kad dan/atau perkhidmatan yang berkaitan atau pelaksanaan kontrak dengan Pemegang Kad dan Perbadanan untuk mematuhi syarat kontrak atau undang-undang.

Sebarang pendedahan oleh Bank kepada Kumpulan Perbadanan (dalam Malaysia), juga boleh untuk tujuan jualan silang dengan syarat sentiasanya bahawa pendedahan untuk tujuan jualan silang mestilah tidak dilaksanakan jika pendedahan tersebut dibantah oleh Pemegang Kad atau Perbadanan dengan menghubungi Bank di nombor telefon atau alamat berikut (yang mungkin ditukar oleh Bank dari semasa ke semasa melalui notis kepada Pemegang Kad): Unit Resolusi Pelanggan (CRU), Peti Surat 10338, Pejabat Pos Besar Kuala Lumpur, 50710 Wilayah Persekutuan, Malaysia, No. Tel: +603 6204 7788 / e-mel: contactus@cimb.com.

- (e) Bank dengan ini menafikan semua liabiliti kepada Pemegang Kad dan Perbadanan untuk sebarang kerugian atau ganti rugi dalam apa jua bentuk yang dialami oleh Pemegang Kad dan/atau Perbadanan yang timbul daripada atau disebabkan oleh pendedahan sebarang maklumat atau tafsiran atau penggunaan maklumat yang didedahkan melainkan perkara yang sama disebabkan secara langsung oleh penipuan, kecuaihan melampau atau keingkaran sengaja Bank.

DOKUMEN TAMBAHAN

27. Pemegang Kad dan Syarikat mengaku janji untuk menandatangani apa-apa dokumen tambahan sebagaimana yang diminta oleh Bank dari semasa ke semasa dan Pemegang Kad dan Syarikat dengan ini dengan jelas berjanji dan bersetuju bahawa pemilihan Bank untuk apa-apa dokumen tambahan boleh dianggap berkuatakuasa secara retrospektif.

PENYAMPAIAN PROSES MAHKAMAH DAN PERUBAHAN BUTIRAN

28. (a) Pemegang Kad dan Syarikat dengan ini secara tidak boleh batal membenarkan penyampaian apa-apa proses mahkamah atau

penyerahan cek, draf bank, perintah juruwang atau Kad atau apa-apa dokumen atau barang lain melalui pos biasa atau dengan tangan atau melalui perkhidmatan kurier ke alamat terakhir yang diketahui Pemegang Kad atau Syarikat, mengikut mana-mana yang berkenaan, dalam rekod Bank dan penyampaian dan/atau penyerahan sedemikian akan dianggap berkuatakuasa tiga (3) hari kalendar selepas dihantar, jika dihantar melalui pos dan pada masa penghantaran, jika dihantar dengan tangan atau kurier. Penyampaian proses mahkamah juga boleh dilakukan dengan cara lain yang dibenarkan oleh undang-undang.

- (b) Pemegang Kad dan Syarikat mesti:
- (i) dengan serta-merta memberitahu Bank secara bertulis tentang apa-apa perubahan dalam alamat e-mel Pemegang Kad dan/atau alamat e-mel dan/atau alamat surat-menyurat dan/atau nombor telefon dan telefon bimbit atau pekerjaan atau perniagaan atau alamat (pejabat atau kediaman) dan/atau butiran lain yang direkodkan dengan Bank;
 - (ii) mengemaskini butiran Syarikat dan butiran peribadi Pemegang Kad atas permintaan Bank dari semasa ke semasa;
 - (iii) memberikan Bank dengan apa-apa maklumat yang Bank minta secara munasabah dan selaras dengan undang-undang berhubung penggunaan Kad oleh Pemegang Kad dan juga menyediakan Bank dengan apa-apa dokumentasi atau dokumen sokongan yang berkaitan dengannya yang Bank boleh minta dan bekerjasama dalam apa-apa penyiasatan atau litigasi yang timbul daripada atau berkaitan dengan penggunaan Kad;
 - (iv) Sekiranya Pemegang Kad berhenti bekerja dengan Syarikat atau selainnya tidak lagi mempunyai kaitan dengan Syarikat, serta-merta:
 - (1) maklumkan Bank secara bertulis mengenai pemberhentian itu; dan
 - (2) dapatkan Kad daripada Pemegang Kad dan potong separuh Kad.

SIJIL BUKTI MUKTAMAD

29. Apa-apa sijil, notis atau tuntutan yang ditandatangani bagi pihak Bank oleh mana-mana pegawai Bank atau mana-mana peguam cara atau firma peguam yang bertindak bagi pihak Bank akan menjadi bukti muktamad terhadap Syarikat untuk semua maksud termasuk bagi maksud prosiding undang-undang berhubung semua perkara yang dinyatakan di dalamnya termasuk amaun yang terhutang kepada Bank oleh Syarikat, kecuali dan jika terdapat kesilapan nyata.

PEMBATALAN / PENGGANTUNGAN

30. Sebagai tambahan dan tanpa menjejaskan hak dan remedi lain Bank atau keluasan makna apa-apa peruntukan lain dalam Perjanjian ini, Bank berhak atas budi bicaranya untuk mengisytiharkan bahawa:

- (a) Kad akan digantung, maka Kad akan digantung;
- (b) Kad atau mana-mana bahagiannya dibatalkan, maka Kad akan dibatalkan; dan/atau
- (c) semua atau apa-apa prinsipal, faedah dan caj-caj lain atau apa-apa amaun lain yang tertunggak dalam apa cara sekalipun di bawah Kad (sama ada sekarang, masa depan, sebenar atau kontingen) kena dibayar dengan serta merta, maka ia akan menjadi kena dibayar,

jika terdapat apa-apa peristiwa atau siri peristiwa sama ada berkaitan atau tidak termasuk tetapi tidak terhad kepada apa-apa tindakan keganasan, permusuhan atau peperangan, darurat, pemberontakan, revolusi, perampasan atau bencana lain (sama ada berlaku di dalam atau di luar Malaysia atau mana-mana tempat lain yang Bank mungkin menjalankan perniagaan) atau perubahan keadaan yang lain telah berlaku yang pada pendapat Bank (yang pendapatnya adalah muktamad dan mengikat Pemegang Kad dan Syarikat):

- (i) boleh atau mungkin menjadikannya tidak digalakkan atau tidak praktikal bagi Bank untuk membuat, menanggung atau membiayai kemudahan Kad atau untuk terus berbuat demikian atau untuk membenarkan apa-apa kegunaan atau penggunaan selanjutnya kemudahan Kad atau untuk mematuhi mana-mana kewajibannya di bawah Perjanjian ini; atau
- (ii) boleh atau mungkin menjejaskan keupayaan atau kesanggupan Pemegang Kad dan/atau Syarikat untuk mematuhi apa-apa obligasi di pihak Pemegang Kad dan/atau Syarikat yang kena dipatuhi di bawah Perjanjian ini atau menjadikannya tidak mungkin bagi Pemegang Kad dan/atau Syarikat dapat atau sanggup berbuat demikian.

AKAUN TERGANTUNG

31. Bagi tujuan membolehkan Bank memelihara keutuhan, liabiliti mana-mana pihak, termasuk Pemegang Kad dan Syarikat apabila suatu writ saman atau saman telah dikeluarkan atau untuk membuktikan kebangkrutan atau insolvensi Pemegang Kad dan/atau Syarikat atau atas apa-apa sebab lain yang difikirkan sesuai oleh Bank, Bank boleh memohon apa-apa wang yang diterima, dipulihkan atau direalisasikan di bawah atau di bawah apa-apa keselamatan atau jaminan lain untuk melunaskan jumlah yang kena dibayar dan terhutang kepada Bank dan/atau tempat dan/atau menyimpan apa-apa wang sedemikian di bahagian kredit Pemegang Kad dan/atau Syarikat dalam akaun tergantung sementara menunggu penentuan oleh Bank atas penggunaan wang tersebut atau mana-mana bahagiannya sebagaimana yang difikirkan sesuai oleh Bank tanpa apa-apa kewajipan perantaraan di pihak Bank untuk melakukan perkara yang sama atau mana-mana bahagian darinya dalam atau untuk melepaskan jumlah yang terhutang kepada Bank.

PELANTIKAN EJEN

32. Tanpa menjejaskan hak Bank di bawah Perjanjian ini, Bank akan, setelah memberi notis tujuh (7) hari kalendar kepada Pemegang Kad dan Syarikat, mempunyai hak, mengikut budi bicaranya, untuk melantik seorang ejen pilihannya untuk mengutip semua dan apa-apa jumlah yang terhutang kepada Bank daripada Pemegang Kad dan/atau Syarikat di bawah Perjanjian ini. Bank akan memaklumkan kepada Pemegang Kad dan Syarikat tentang kesan terhadap hak dan kewajipan Pemegang Kad dan Syarikat selepas pelantikan tersebut atau jika hutang itu telah dijual kepada pihak ketiga. Dalam keadaan tertentu apabila Pemegang Kad dan Syarikat tidak boleh dihubungi, Bank dianggap telah memenuhi kewajipan sekiranya notis tersebut telah dihantar ke alamat Pemegang Kad dan Syarikat yang terakhir diketahui sekurang-kurangnya tujuh (7) hari kalendar lebih awal. Bank akan menyediakan Pemegang Kad dan Syarikat dengan nama dan butiran perhubungan ejen pihak ketiga yang dilantik atau pihak ketiga yang mana Bank telah menyalurkan kutipan semua dan apa-apa jumlah wang yang terhutang kepada Bank daripada Pemegang Kad dan Syarikat.

PENGGANTI

33. Perjanjian ini akan mengikat pewaris, wakil peribadi dan pengganti hak milik Pemegang Kad dan Syarikat dan pada pengganti hak milik dan pemegang serah hak Bank.

PEMBINAAN SEMULA BANK

34. Kewajipan dan liabiliti Pemegang Kad dan Syarikat akan terus sah dan mengikat untuk semua tujuan tanpa mengambil kira apa-apa perubahan akibat penggabungan, pembinaan semula atau selainya yang boleh dibuat pada perlembagaan Bank atau pada mana-mana syarikat yang padanya perniagaan Bank pada masa itu boleh dijalankan dan boleh didapati kepada syarikat yang akan menjalankan perniagaan itu pada masa itu.

MASA MENJADI ASAS

35. Masa apabila disebut di mana sahaja adalah menjadi asas Perjanjian.

UNDANG-UNDANG YANG TERPAKAI DAN BIDANG KUASA

36. Perjanjian ini hendaklah dianggap sebagai kontrak yang dibuat di bawah undang-undang Malaysia dan hendaklah untuk semua tujuan ditadbir dan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia dan pihak-pihak di dalam ini dengan ini bersetuju untuk berserah kepada bidang kuasa bukan eksklusif Mahkamah Malaysia

BAHASA

- 36A. Versi Bahasa Malaysia Perjanjian ini boleh disediakan kepada Pemegang Kad dan/atau Syarikat atas permintaan. Jika terdapat apa-apa percanggahan, konflik, kekeliruan atau percanggahan antara versi Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris, versi Bahasa Inggeris Perjanjian ini akan diguna pakai. Tanpa mengambil kira perkara di atas, apabila permintaan dibuat oleh Pemegang Kad dan/atau Syarikat dan diambil maklum dan diakui oleh Bank dalam rekodnya bahawa versi Bahasa Malaysia Perjanjian ini akan mengawal operasi Kad, maka versi Bahasa Malaysia akan diguna pakai.

PENGECUALIAN LIABILITI

37. Bank tidak akan bertanggungjawab kepada Pemegang Kad dan/atau

Syarikat atas apa-apa kerugian dan kerosakan (termasuk apa-apa yang berkaitan dengan atau yang timbul daripada apa-apa pembatalan atau Kad tidak diperbaharui atau pembatalan, penggantungan atau sekatan penggunaan Kad kepada Pemegang Kad dan/atau Syarikat) dan walau bagaimanapun cara ia berlaku berhubung dengan penggunaan Kad oleh Pemegang Kad dan/atau Syarikat melainkan jika ia timbul daripada dan disebabkan secara langsung oleh penipuan, kecuaiian melampau atau keingkaran sengaja Bank.

Tanpa mengambil kira mana-mana peruntukan yang bertentangan dalam Perjanjian ini atau dalam mana-mana perjanjian lain dengan Bank, Bank dan/atau mana-mana pegawai dan pekerjaannya tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kehilangan atau kerosakan tidak langsung, sampingan, turutan dan/atau sekunder, termasuk apa-apa kehilangan kepentingan, kehilangan kontrak atau keuntungan, simpanan atau pendapatan, kerugian jangkaan, kerugian pergantungan atau kerugian ekonomi sepenuhnya dan apa-apa ganti rugi teladan atau hukuman, yang mungkin dialami atau ditanggung oleh Pemegang Kad, Syarikat atau mana-mana pihak ketiga secara langsung atau tidak langsung, walaupun jika Bank telah dimaklumkan mengenai kemungkinan kerosakan atau apa-apa tuntutan terhadap Pemegang Kad dan/atau Syarikat.

PENERBITAN PERJANJIAN INI DI LAMAN WEB BANK

38. Satu salinan Perjanjian ini diterbitkan di laman web www.cimb.com.my/business (atau laman web lain yang boleh diubah oleh Bank dari semasa ke semasa melalui pemberitahuan kepada Pemegang Kad dan Syarikat). Sekiranya Bank mengubah atau menukar mana-mana terma dalam Perjanjian ini, versi yang dipinda dan dikemas kini akan dipaparkan di laman web Bank tersebut.

ADUAN

39. Sekiranya terdapat apa-apa aduan yang berkaitan dengan Perjanjian ini, Pemegang Kad dan Syarikat boleh menghubungi Unit Penyelesaian Pelanggan Bank ("CRU") yang mengandungi alamat, alamat e-mel dan telefon yang berikut (atau alamat, alamat e-mel dan telefon yang lain seperti yang dimaklumkan oleh Bank kepada Pemegang Kad dan Syarikat):

Unit Penyelesaian Pelanggan (CRU)
Peti Surat 10338, GPO Kuala Lumpur,
50710 Wilayah Persekutuan, Malaysia
Tel : +603 6204 7788
Alamat E-mel : contactus@cimb.com

FASAL PRIVASI (BERKAITAN DENGAN SYARIKAT)

40. Perbadanan membenarkan dan memberi kuasa, dan mengesahkan bahawa ia telah mendapat kebenaran dan pemberian kuasa pengarah, pemegang saham, pegawai, penjamin dan/atau orang berkaitan lain (selepas ini dirujuk sama ada secara tunggal atau secara kolektif sebagai "Orang Berkenaan") dengan sewajarnya, bagi Bank:-
- (a) untuk diberikan maklumat (termasuk maklumat peribadi berkenaan Orang Berkenaan) sebagaimana yang diperlukan oleh Bank untuk pemprosesan (seperti yang ditakrifkan dalam Akta Perlindungan Data Peribadi 2010) dan untuk tujuan pemberian dan penyelenggaraan berterusan kemudahan / akaun;
 - (b) untuk menjalankan pemeriksaan rujukan yang diperlukan termasuk rujukan kredit dengan agensi rujukan/pelaporan kredit untuk memastikan lebih lanjut status Orang Berkenaan dan Perbadanan serta subsidiarinya; dan
 - (c) untuk mendedahkan maklumat peribadi Orang Berkenaan kepada kelas pihak yang diterangkan dalam Notis Privasi Kumpulan CIMB (yang boleh didapati di www.cimb.com.my/business);

Perbadanan bersetuju untuk menanggung tanggungjawab bagi mengemas kini Bank secara bertulis sekiranya terdapat sebarang perubahan pada maklumat peribadi dan kewangan yang berkaitan dengan pengarah, pemegang saham, pegawai, penjamin dan/atau orang yang berkaitan tersebut. Sekiranya kebenaran dan/atau pemberian kuasa tersebut kemudiannya dibatalkan oleh mana-mana pengarah tersebut, pemegang saham, pegawai, penjamin dan/atau orang berkaitan tersebut, Perbadanan bersetuju bahawa Bank hendaklah mempunyai hak untuk menamatkan kemudahan ini/ menutup akaun.

Klausa ini hendaklah tanpa prejudis kepada mana-mana klausa lain dalam Perjanjian ini yang memperuntukkan pendedahan maklumat.

FASAL PRIVASI (BERKAITAN DENGAN PEMEGANG KAD)

41. (a) Pemegang Kad mengesahkan bahawa beliau telah membaca, memahami dan bersetuju untuk terikat dengan Notis Privasi Kumpulan CIMB (yang boleh didapati di www.cimb.com.my/business) dan klausa dalam Perjanjian ini, seperti yang mungkin berkaitan dengan pemprosesan maklumat peribadi Pemegang Kad. Bagi mengelakkan keraguan, Pemegang Kad bersetuju bahawa Notis Privasi tersebut hendaklah dianggap sebagai telah digabungkan melalui rujukan ke dalam Perjanjian ini.
- (b) Sekiranya Pemegang Kad memberikan maklumat peribadi dan kewangan berkaitan kepada pihak ketiga, termasuk maklumat yang berkaitan dengan waris kadim dan tanggungan Pemegang Kad (di mana Pemegang Kad adalah seorang individu) atau maklumat yang berkaitan dengan pengarah, pemegang saham, pegawai, penjamin individu dan penyedia sekuriti Pemegang Kad (di mana Pemegang Kad adalah sebuah Perbadanan), untuk tujuan membuka atau mengendalikan akaun/kemudahan bagi Pemegang Kad dengan Bank atau sebaliknya melanggan produk dan perkhidmatan Bank, Pemegang Kad (a) mengesahkan bahawa beliau telah mendapat kebenaran mereka atau sebaliknya berhak untuk memberikan maklumat ini kepada Bank dan untuk Bank menggunakannya menurut Perjanjian ini; (b) bersetuju untuk memastikan bahawa maklumat peribadi dan kewangan pihak ketiga tersebut adalah tepat; (c) bersetuju untuk mengemas kini Bank secara bertulis sekiranya terdapat sebarang perubahan material kepada maklumat peribadi dan kewangan tersebut; dan (d) bersetuju dengan hak Bank untuk menamatkan Perjanjian ini sekiranya kebenaran tersebut ditarik balik oleh mana-mana pihak ketiga tersebut.
- (c) Apabila Pemegang Kad dan/atau mengarahkan Bank untuk melaksanakan apa-apa jenis transaksi rentas sempadan (termasuk membuat atau menerima pembayaran), butiran yang berkaitan dengan transaksi rentas sempadan (termasuk maklumat yang berkaitan dengan sesiapa yang terlibat dalam transaksi tersebut) mungkin diterima dari atau dihantar ke luar negara, di mana ia boleh diakses (sama ada secara langsung atau tidak langsung) oleh pengawal selia dan pihak berkuasa luar negara berkaitan dengan tugas sah mereka (cth. pencegahan jenayah). Dalam mengarahkan Bank dan/atau ejen Bank untuk membuat sebarang transaksi rentas sempadan bagi pihak Pemegang Kad, Pemegang Kad bersetuju dengan pendedahan yang disebutkan di atas bagi pihak Pemegang Kad dan orang lain yang terlibat dalam transaksi rentas sempadan tersebut.
- (d) Bank boleh pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa menjalankan semakan rujukan yang diperlukan termasuk pelaporan kredit/semakan rujukan dengan agensi pelaporan/rujukan kredit, termasuk tetapi tidak terhad kepada CCRIS, Financial Information Services (FIS) dan/atau mana-mana agensi lain dan/atau daripada mana-mana institusi kewangan untuk membolehkan Bank memastikan status Pemegang Kad seperti yang mungkin diperlukan untuk membantu membuat keputusan, contohnya apabila Bank perlu (a) menyemak butiran mengenai permohonan untuk kredit dan yang berkaitan dengan kredit atau kemudahan lain; (b) mengurus kemudahan akaun atau kemudahan yang berkaitan dengan kredit, termasuk menjalankan semakan ke atas portfolio(s) Pemegang Kad; dan/atau mendapatkan kembali hutang; dan/atau sebarang tujuan berkaitan dengan atau berhubung dengan akaun/kemudahan di bawah Perjanjian ini. Pemegang Kad akan dipautkan oleh agensi pelaporan/rujukan kredit kepada mana-mana nama lain yang berguna atau telah digunakan oleh Pemegang Kad, dan sebagai pemohon bersama dan berasingan.

Bank juga mungkin berkongsi maklumat tentang Pemegang Kad dan cara Pemegang Kad mengurus akaun/kemudahannya dengan agensi pelaporan/rujukan kredit yang berkaitan.

- (e) Walaupun selepas Pemegang Kad telah memberikan apa-apa maklumat kepada Bank, Pemegang Kad akan mempunyai pilihan untuk menarik balik kebenaran yang diberikan sebelum ini, kecuali di mana pendedahan maklumat Pemegang Kad adalah diperlukan untuk penyediaan Kad dan/atau perkhidmatan berkaitan atau pelaksanaan kontrak dengan Pemegang Kad untuk mematuhi keperluan kontraktual.
- (f) Bank merizabkan hak untuk meminda Klausa ini dari semasa ke semasa mengikut budi bicara tunggal Bank dan hendaklah memberikan sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari kalendar; notis terdahulu dan hendaklah memberikan pemberitahuan dahulu kepada Pemegang Kad secara bertulis dan meletakkan sebarang pindaan tersebut di laman web Bank dan/atau dengan meletakkan notis di dewan perbankan atau di lokasi yang menonjol di dalam cawangan Bank.
- (g) Bagi tujuan Klausa ini, Kumpulan CIMB terdiri daripada CIMB Group Holdings Berhad dan semua Perbadanan berkaitannya seperti yang ditakrifkan dalam Akta Perbadanan 2016 dan Perbadanan dikawal bersama yang menyediakan perkhidmatan kewangan dan perkhidmatan lain yang dikawal selia, tidak termasuk Perbadanan, cawangan, pejabat dan bentuk kehadiran lain yang beroperasi di luar Malaysia, dan penggunaan perkataan "Bank" hendaklah dibaca sebagai rujukan kepada Kumpulan CIMB.
- (h) Pemegang Kad seterusnya bersetuju bahawa Bank dalam apa jua keadaan tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang tuntutan, kerugian, ganti rugi walau bagaimanapun timbul, sama ada dalam kontrak, tort, kecuaihan, liabiliti ketat atau apa-apa asas, daripada sebarang ketidaktepatan atau kehilangan, pamadaman atau pengubahsuaian data atau untuk sebarang sebab lain yang berkaitan dengan sebarang maklumat yang dihantarkan oleh Bank kepada agensi pelaporan/rujukan kredit tersebut dan/atau pihak lain yang sedemikian, mengikut mana-mana yang berkenaan, atau berhubung dengan sebarang akses atau penggunaan, atau ketidakupayaan untuk mengakses atau menggunakan oleh agensi pelaporan/rujukan kredit tersebut dan/atau pihak lain yang sedemikian atau pergantungan pada maklumat yang terkandung di dalamnya, sama ada disebabkan oleh sebarang kegagalan teknikal, perkakasan atau perisian dalam apa jua bentuk, gangguan, ralat, peninggalan, kelewatan, virus atau sebaliknya walaupun bagaimanapun, melainkan perkara yang sama disebabkan secara langsung oleh fraud, kecuaihan melampau atau keingkaran sengaja Bank.
- (i) Klausa ini hendaklah tanpa prejudis kepada mana-mana klausa lain dalam Perjanjian ini yang memperuntukkan pendedahan maklumat.

CUKAI

42. Syarikat akan menanggung semua yuran, caj, cukai (termasuk cukai perkhidmatan), kos dan perbelanjaan yang kena dibayar berkaitan dengan atau yang timbul daripada Perjanjian ini atau Akaun Mastercard Pemegang Kad atau apa-apa perkhidmatan yang berkaitan dengannya yang dikenakan di bawah mana-mana undang-undang, peraturan atau kod dan Bank adalah diberi kuasa untuk mendebitkan Akaun Utama dan/atau Akaun Mastercard Pemegang Kad untuk perkara yang sama.

1. Rebat tunai ("**Rebat Tunai**") disediakan kepada Syarikat yang telah berjaya memohon dan membuka Akaun Utama dengan Bank. Rebat Tunai adalah tertakluk kepada Perjanjian ini. Sekiranya berlaku sebarang percanggahan atau ketakselarasan terma antara Terma dan Syarat Kad Perniagaan Platinum CIMB dan Terma dan Syarat Rebat Tunai, Terma dan Syarat Rebat Tunai akan diguna pakai selagi ia hanya berkaitan dengan pemberian Rebat Tunai.
2. Rebat Tunai hanya tersedia untuk Syarikat yang Akaun Utamanya adalah semasa, sah, wujud dan tidak mempunyai apa-apa keingkaran atas apa-apa terma dalam Terma dan Syarat Rebat Tunai. Rebat Tunai tidak akan diberikan jika Pemegang Kad gagal melakukan pembayaran minimum pada tarikh matang pembayaran.
3. Tertakluk kepada Terma dan Syarat Rebat Tunai, Syarikat akan dianugerahkan dengan:
 - (a) **Rebat Tunai 0.5%** untuk semua urusan niaga runcit tempatan, termasuk urusan niaga berulang, yang dilakukan menggunakan Kad yang dikeluarkan kepada Pemegang Kad yang dicalonkan oleh Syarikat kecuali urusan niaga berikut tidak dianggap sebagai urusan niaga runcit dan di sini secara nyata dikecualikan dan tiada Rebat Tunai akan diberikan berkenaan dengan mana-mana satu darinya:
 - (i) Pembelian petrol, diesel atau pembelian bahan api lain;
 - (ii) Urusan niaga pemindahan baki, pendahuluan tunai, pindahan wang dan/atau pembayaran balik apa-apa ansuran bulanan di bawah apa-apa kemudahan pembayaran ansuran yang disediakan oleh CIMB atau bank lain;
 - (iii) Agregator pembayaran bil, badan amal, dan urusan niaga perkhidmatan kerajaan;
 - (iv) Urusan niaga pertaruhan dan perjudian dalam talian;
 - (v) Urusan niaga kuasi tunai (contoh: urusan niaga pertaruhan dan/atau permainan/urusan niaga pertukaran wang);
 - (vi) Baki tertunggak yang dibawa ke hadapan daripada penyata terdahulu, caj lewat bayar, caj kewangan yang dibawa ke hadapan daripada penyata sebelumnya, pembalikan, urusan niaga runcit dan yuran-yuran dan caj lain; dan
 - (vii) Urusan niaga yang dibuat dengan mana-mana saudagar yang berkaitan dengan atau dikawal oleh Syarikat atau pemegang saham dan/atau pengarah Syarikat.
 - (b) **Rebat Tunai 1.25%** untuk semua urusan niaga runcit di luar negara (iaitu urusan niaga yang dilakukan di luar Malaysia termasuk saudagar dalam talian antarabangsa dan urusan niaga penukaran mata wang dinamik) termasuk urusan niaga berulang, yang dilakukan menggunakan Kad yang dikeluarkan kepada Pemegang Kad yang dicalonkan oleh Syarikat kecuali urusan niaga berikut tidak akan dianggap sebagai urusan niaga runcit dan di sini secara nyata dikecualikan dan tiada Rebat Tunai akan diberikan berkenaan dengan mana-mana satu darinya: -
 - (i) Urusan niaga pemindahan baki, pendahuluan tunai, pindahan wang dan/atau pembayaran balik apa-apa ansuran bulanan di bawah apa-apa kemudahan pembayaran ansuran yang disediakan oleh CIMB atau bank lain;
 - (ii) Baki tertunggak yang dibawa ke hadapan daripada penyata terdahulu, caj lewat bayar, caj kewangan yang dibawa ke hadapan daripada penyata sebelumnya, pembalikan, urusan niaga runcit dan yuran-yuran dan caj lain;
 - (iii) Urusan niaga pertaruhan dan perjudian dalam talian;
 - (iv) Urusan niaga kuasi tunai (contoh: urusan niaga pertaruhan dan/atau permainan/urusan niaga pertukaran wang); dan
 - (v) Urusan niaga yang dibuat dengan mana-mana saudagar yang berkaitan dengan atau dikawal oleh Syarikat atau pemegang saham dan/atau pengarah Syarikat.

Apa-apa penentuan oleh Bank tentang jenis urusan niaga yang dikecualikan daripada kelayakan Rebat Tunai adalah muktamad, konklusif dan mengikat. Bank juga berhak untuk mengubah kadar atau mengenakan had pada Rebat Tunai yang diberikan pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa setelah memberi Syarikat sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari notis terdahulu.

4. Selain Rebat Tunai yang disebut dalam Fasal 3, Bank akan memberi **Rebat Tunai RM50** untuk dua puluh (20) urusan niaga runcit yang dilaksanakan (i) dalam tempoh dua belas (12) bulan dari tarikh pengeluaran Kad ("Tarikh Pengeluaran Kad"), dan pada masa tamatnya, (ii) dalam tempoh dua belas (12) bulan dari ulang tahun Tarikh Pengeluaran Kad setiap tahun, dijalankan menggunakan Kad yang dikeluarkan kepada Pemegang Kad yang dicalonkan oleh Syarikat kecuali urusan niaga berikut tidak akan dianggap sebagai urusan

niaga runcit dan di sini secara nyata dikecualikan dan tiada Rebat Tunai akan diberikan berkenaan dengan mana-mana satu darinya: -

- (a) Pembelian petrol, diesel atau pembelian bahan api lain;
- (b) Urusan niaga pemindahan baki, pendahuluan tunai, pindahan wang dan/atau pembayaran balik apa-apa ansuran bulanan di bawah apa-apa kemudahan pembayaran ansuran yang disediakan oleh CIMB atau bank lain;
- (c) Agregator pembayaran bil, badan amal, dan urusan niaga perkhidmatan kerajaan;
- (d) Urusan niaga pertaruhan dan perjudian dalam talian;
- (e) Urusan niaga kuasi tunai (contoh: urusan niaga pertaruhan dan/atau permainan/urusan niaga pertukaran wang);
- (f) Baki tertunggak yang dibawa ke hadapan daripada penyata terdahulu, caj lewat bayar, caj kewangan yang dibawa ke hadapan daripada penyata sebelumnya, pembalikan, urusan niaga runcit dan yuran dan caj lain; dan
- (g) Urusan niaga yang dibuat dengan mana-mana saudagar yang berkaitan dengan atau dikawal oleh Syarikat atau pemegang saham dan/atau pengarah Syarikat.

Apa-apa penentuan oleh Bank tentang jenis urusan niaga yang dikecualikan daripada kelayakan Rebat Tunai adalah muktamad dan konklusif. Bank juga berhak untuk mengubah kadar atau mengenakan had pada Rebat Tunai yang diberikan pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa setelah memberi notis terdahulu kepada Syarikat sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari kalendar.

Sekiranya kad diganti disebabkan kehilangan, kecurian, penipuan, pertikaian atau apa jua sebab, kiraan dua puluh (20) urusan niaga yang dilakukan sebelum ini akan terkumpul merentas ke kad pengganti.

5. Bagi tujuan pengiraan Rebat Tunai, perbelanjaan mata wang asing akan ditukarkan kepada Ringgit Malaysia (RM) dan akan berasaskan rekod urusan niaga Bank sahaja, yang akan menjadi muktamad, kecuali bagi kesilapan nyata.
6. Penentuan perbelanjaan kelayakan Pemegang Kad untuk layak mendapat apa-apa hak bagi Rebat Tunai adalah tertakluk kepada klasifikasi jenis urusan niaga pembayaran oleh bank pemeroleh saudagar masing-masing dan adalah menjadi tanggungjawab sesuatu bank pemeroleh saudagar untuk menetapkan jenis urusan niaga dan kod kategori saudagar (MCC) yang betul. Syarikat dan/atau Pemegang Kad tidak berhak untuk menuntut apa-apa pampasan sekalipun terhadap CIMB atas ketidcatatan Rebat Tunai disebabkan penetapan jenis urusan niaga dan/atau MCC yang tidak betul oleh bank pemeroleh saudagar masing-masing.
7. Semua Rebat Tunai yang disediakan kepada Syarikat adalah sebagai ganti mata bonus dan/atau apa-apa ganjaran lain yang biasanya dikaitkan dengan kad kredit lain Bank. Kecuali jika dinyatakan secara nyata, jika Syarikat diberikan Rebat Tunai, Syarikat (dan Pemegang Kad) tidak berhak mendapat mata bonus dan/atau apa-apa ganjaran lain yang biasanya dikaitkan dengan kad kredit lain Bank.
8. Rebat Tunai yang diperoleh oleh Pemegang Kad pada setiap bulan semasa akan dikira (dibundarkan kepada Ringgit Malaysia terdekat) sehingga tarikh penyata berhubung dengan bulan semasa. Rebat Tunai yang diperoleh akan digunakan untuk pembayaran baki tertunggak yang terhutang pada Akaun Mastercard. Walau bagaimanapun, Bank boleh mengubah tarikh dan kekerapan pengkreditan Rebat Tunai mengikut budi bicaranya. Jika mana-mana urusan niaga dipertikaikan, dikatakan menipu atau dikembalikan/dibalikkan, Rebat Tunai yang diperoleh atas urusan niaga sedemikian boleh dibalikkan atau dibatalkan oleh Bank mengikut budi bicaranya.
9. Rebat Tunai yang terdapat di bawah ini adalah semata-mata keistimewaan yang diberikan oleh Bank dan Bank berhak dan pada bila-bila masa mengikut budi bicaranya, tanpa perlu memberikan apa-apa sebab, untuk menggantung bagi suatu tempoh yang pasti atau selama-lamanya, membatalkan dan/atau menamatkan Rebat Tunai yang disediakan dan/atau apa-apa faedah lain yang terdapat dalam Kad Perniagaan Platinum CIMB (jika ada) setelah memberi Pemegang Kad atau Syarikat notis terdahulu sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari kalendar. Bank tidak akan bertanggungjawab atas penggantungan, pembatalan atau penamatan Rebat Tunai yang diberikan atau apa-apa faedah yang terdapat di dalamnya atau atas apa-apa kerugian atau kerosakan walau apa pun cara ia ditanggung oleh Syarikat dan/atau Pemegang Kad akibat tindakan penggantungan, pembatalan atau penamatan.
10. Bank berhak setelah memberi notis terdahulu dua puluh satu (21) hari kalendar kepada Pemegang Kad dan/atau Syarikat untuk mengubah (sama ada penambahan, pemotongan, pengubahsuaian, pindaan atau

selainnya) ("**Pindaan**") mana-mana daripada terma dan syarat ini. Pemberitahuan kepada Pemegang Kad dan/atau Syarikat berkenaan Pindaan atau berhubung apa-apa notis atau komunikasi lain oleh Bank kepada Syarikat akan dilaksanakan mengikut budi bicara Bank dengan cara yang sama seperti yang dinyatakan dalam Fasal 24(a)(i) hingga (vi) (*Pindaan*) Terma dan Syarat Kad Perniagaan Platinum CIMB dan Pindaan akan dianggap mengikat Pemegang Kad dan/atau Syarikat dari tarikh pemberitahuan Pindaan atau dari tarikh lain yang dinyatakan oleh Bank dalam pemberitahuan.

11. Versi Bahasa Malaysia Perjanjian ini boleh disediakan kepada Pemegang Kad dan/atau Syarikat atas permintaan. Jika terdapat apa-apa percanggahan, konflik, kekaburan atau perselisihan antara versi Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris, versi Bahasa Inggeris Perjanjian ini akan diguna pakai. Tanpa mengambil kira di atas, apabila permintaan dibuat oleh Pemegang Kad dan/atau Syarikat dan diambil maklum dan diakui oleh Bank dalam rekodnya bahawa versi Bahasa Malaysia Perjanjian ini akan mengawal operasi Kad Perniagaan Platinum CIMB, maka versi Bahasa Malaysia akan diguna pakai.

NOTIS PENTING

Insurans Kemalangan Perjalanan Diri ("**Insurans**") adalah percuma untuk manfaat Pemegang Kad di bawah Kad Perniagaan Platinum CIMB (Pemegang Kad sebagai Orang Diinsuranskan) di bawah Polisi Utama yang dikeluarkan oleh Berjaya Sampo Insurance Berhad ("**Berjaya Sampo**") (sebagai Penanggung Insurans) kepada CIMB Bank Berhad ("**CIMB**") (sebagai Pemegang Polisi) dan tidak akan dianggap sebagai mewujudkan hubungan undang-undang antara CIMB Bank Berhad dan Pemegang Kad. Insurans adalah tertakluk kepada kandungan Polisi Induk yang dikeluarkan oleh Penanggung Insurans. Apa-apa perubahan, pindaan atau pengesahan (termasuk pembatalan) Polisi Induk akan mengikat Pemegang Kad selepas notis terdahulu dua puluh satu (21) hari kalendar diberikan oleh Penanggung Insurans. Untuk mengelakkan keraguan, untuk tujuan apa-apa tuntutan di bawah Polisi Induk ini, syarat-syarat Polisi Induk ini akan terpakai atas Terma dan Syarat Kad Perniagaan Platinum CIMB.

CIMB tidak akan bertanggungjawab terhadap apa-apa pun liabiliti yang berkaitan dengan dengan Polisi Induk dan CIMB tidak mengambil apa-apa tanggungjawab berkaitan dengan hak Orang Diinsuranskan atau mana-mana orang di bawahnya. Setiap Pemegang Kad di bawah Kad Perniagaan Platinum CIMB dianggap telah menerima kandungan Polisi Induk dan terikat dengannya.

Semua Pemegang Kad hendaklah mematuhi kandungan Polisi Induk agar tidak menjejaskan hak mereka atau apa-apa tuntutan di bawahnya. Pemegang Kad tidak mempunyai apa-apa hak rekursu atau tindakan terhadap CIMB atas apa-apa perkara yang timbul daripada Insurans/Polisi Induk.

Sekiranya anda mempunyai apa-apa pertanyaan mengenai perlindungan insurans di bawah Polisi Induk, anda boleh menghubungi Berjaya Sampo secara langsung di:

Pusat Perkhidmatan Pelanggan

Berjaya Sampo Insurance Berhad [198001008821 (62605-U)]

Aras 36, Menara Bangkok Bank

105, Jalan Ampang

50450 Kuala Lumpur

Talian Bebas Tol : 1-800-889-933 (within Malaysia)

Tel. : 03-2170 7300

Faks : 03-2170 4800

Waktu operasi mulai 8.30 pagi hingga 5.00 petang

Isnin – Jumaat (kecuali Cuti Umum)

E-mel : customer@bsompo.com.my

Halaman berikut adalah cabutan daripada dan tertakluk kepada kandungan Polisi Induk yang dikeluarkan oleh Berjaya Sampo untuk Pemegang Kad di bawah Kad Perniagaan Platinum CIMB.

TAKRIF

Untuk tujuan polisi ini:

- Luar Negara** adalah bermaksud negara lain di seberang laut.
- Kemalangan** adalah bermaksud apa-apa peristiwa yang berlaku tiba-tiba atau tidak dijangka dan ganas di pihak **Orang Diinsuranskan**, yang terhasil secara langsung dan bebas daripada tindakan dari punca luaran, selain kecederaan diri yang disengajakan.
- Negara Kediaman** adalah bermaksud negara yang Orang Diinsuranskan tinggal secara kekal dan diberikan hak kewarganegaraan atau pemastautin tetap atau permit kerja oleh pihak berkuasa yang berkaitan.
- Syarikat/Penanggung Insurans/Kami** adalah bermaksud Berjaya Sampo Insurance Berhad [No. Syarikat: 198001008821 (62605-U)].
- Kad** adalah bermaksud kad kredit atau kad caj CIMB yang belum luput di bawah kategori Perjalanan & Hiburan atau Pembelian yang dikeluarkan kepada Pemegang Kad korporat **Pemegang Polisi**.
 - Kad Perjalanan dan Hiburan:
penggunaan kad oleh pemegang kad untuk tujuan membeli tiket penerbangan tambang penuh untuk seorang.
 - Kad Pembelian:
penggunaan kad oleh pemegang kad untuk tujuan membeli tiket penerbangan tambang penuh untuk tempahan individu atau berkumpulan yang akan dianggap sebagai satu urusan niaga.
- Pemegang Kad** adalah bermaksud sebuah syarikat atau seorang individu:

- yang merupakan pemegang Kad yang sah, aktif dan belum luput tempoh yang dikeluarkan oleh Pemegang Polisi di Malaysia. Had umur maksimum bagi pemegang kad individu ialah lapan puluh (80) tahun; dan/atau

- yang pada masa tuntutan atau kerugian yang dilindungi masih **Pemegang Kad** yang bona fide dan Akaun Kad dibilkan dari Malaysia, dan

Pemegang Kad untuk tujuan Polisi ini tidak termasuk **Pemegang Kad Tidak Aktif** dan/atau **Pemegang Kad Tertunggak**.

- Pemegang Kad Tidak Aktif** adalah bermaksud Pemegang Kad yang tidak membuat apa-apa pembelian menggunakan Kad yang dikeluarkan oleh Pemegang Polisi untuk tempoh sekurang-kurangnya enam (6) bulan berturut-turut sebelum tarikh tuntutan.

- Pemegang Kad Tertunggak** bermaksud Pemegang Kad yang tidak membuat apa-apa bayaran untuk pembelian **Kad** dalam tempoh satu (1) bulan terakhir dari tarikh matang seperti yang dinyatakan dalam penyata yang dikeluarkan oleh Pemegang Polisi.

- Akaun Kad** bermaksud Pemegang Polisi akan mengekalkan akaun Pemegang Kad bagi setiap Kad yang dipegang ("**Akaun Kad**") yang nilai semua pembelian barangan atau perkhidmatan dan semua pendahuluan tunai yang dilaksanakan melalui penggunaan Kad ("**Transaksi Kad**") dan semua yuran dan caj berkenaan akan didebitkan.
- Urus Niaga Kad** adalah bermaksud penggunaan Kad oleh Pemegang Kad untuk tujuan membeli tiket penerbangan tambang penuh untuk tempahan individu atau kumpulan yang akan dianggap sebagai satu urusan niaga.
- Pengangkutan** adalah bermaksud entiti yang mengangkut **Orang Diinsuranskan** dan bagasi **Orang Diinsuranskan** semasa perjalanan di daratan, air atau pengangkutan udara yang beroperasi di bawah suatu lesen untuk pengangkutan penumpang.
- Pengendorsan** adalah bermaksud bukti bertulis tentang perubahan yang dipersetujui untuk Polisi ini.
- Hotel** adalah bermaksud mana-mana hotel, motel, rumah tumpangan, rumah tetamu, rumah rehat, rumah mudah alih/motor yang disewa, chalet atau apa-apa rumah awam yang pembayaran dibuat untuk mendapatkan penginapan (tidak termasuk hospital atau klinik).
- Kecederaan** adalah bermaksud kecederaan tubuh badan pada Orang Diinsuranskan yang disebabkan semata-mata melalui cara yang ganas, tidak sengaja, luaran dan boleh dilihat dan bukan oleh penyakit atau haus dan lusuh fizikal atau mental berperingkat yang **Kecederaannya** adalah semata-mata dan bebas daripada apa-apa sebab lain, yang mengakibatkan apa-apa kerugian yang dilindungi yang ditakrifkan dalam Jadual Manfaat.
- Orang Diinsuranskan** adalah bermaksud Pemegang Kad atau pekerja sesuatu syarikat.
- Tempoh Insurans** adalah bermaksud tempoh polisi seperti yang dinyatakan di dalam Polisi Induk.
- Pemegang Polisi** adalah bermaksud CIMB Bank Berhad [No. Syarikat: 197201001799 (13491-P)]
- Pengangkutan Awam** adalah bermaksud apa-apa pengangkutan darat atau air yang dilesenkan dengan sewajarnya untuk pengangkutan biasa penumpang yang membayar tambang dan adalah termasuk Penerbangan Berjadual seperti yang ditakrifkan di sini tetapi tidak termasuk apa-apa kereta sewa atau apa-apa kenderaan yang dikendalikan untuk kegunaan hiburan.
- Penerbangan Berjadual** adalah bermaksud penerbangan dalam pesawat udara yang layak terbang yang syarikat penerbangannya disenaraikan dalam Panduan Penerbangan rasmi atau ABC World Airways Guide dan **Pengangkut** udara itu mempunyai sijil, lesen atau kebenaran yang serupa untuk pengangkutan udara berjadual yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa yang berkaitan di negara tempat pesawat itu dikendalikan dan didaftarkan, dan selaras dengan kebenaran itu, menyenggara dan menerbitkan jadual dan tarif untuk perkhidmatan penumpang di antara lapangan terbang yang dinamakan pada waktu yang tetap dan khusus.

Penerbangan Berjadual sedemikian terbang dengan kerap dan berterusan di laluan dan pada masa seperti yang diterbitkan dalam ABC World Airways Guide seperti yang dipinda dari semasa ke semasa.

Masa berlepas, pemindahan dan tempat tujuan hendaklah dinyatakan dengan merujuk kepada tiket Penerbangan Berjadual **Orang Diinsuranskan**.

1. OPERASI PERLINDUNGAN INSURANS

- 1.1 Kontingensi yang dilindungi insurans ialah yang berkenaan dengan apa-apa Kecelakaan yang ditanggung atau berlakunya kematian semasa perjalanan sehala atau dua hala yang dilakukan oleh **Orang Diinsuranskan** di antara tempat pelepasan dan destinasi pada atau selepas tarikh pembelian tiket; dengan syarat tambang penuh dan jumlah penuh telah dicaj sepenuhnya di bawah kod kategori saudagar (MCC) 3000 hingga 3299 (Syarikat Penerbangan) atau 4511 (Pengangkut Udara, Syarikat Penerbangan) pada Kad yang disenggara oleh **Pemegang Kad** dengan **Pemegang Polisi** bawah keadaan yang dinyatakan seperti berikut:
- (a) semasa menaikinya sebagai penumpang yang membayar tambang dan bukan sebagai juruterbang atau anak kapal, di dalam atau semasa menaiki atau turun dari pesawat yang dijadualkan.
 - (b) semasa menaikinya sebagai penumpang yang membayar tambang dalam **Pengangkutan Awam**, tetapi hanya:
 - (i) untuk perjalanan terus yang tidak melencong ke lapangan terbang untuk tujuan menaiki **Penerbangan Berjadual**;
 - (ii) apabila berada di terminal lapangan terbang itu sendiri; atau
 - (iii) apabila meninggalkan lapangan terbang selepas turun daripada **Penerbangan Berjadual** sehingga sampai ke destinasi akhir.

2. JADUAL MANFAAT

- 2.1 Sekiranya dalam masa seratus (100) hari dari tarikh **Kemalangan**, **Kecelakaan** yang dialami oleh **Orang Diinsuranskan** akan mengakibatkan apa-apa kerugian seperti yang dinyatakan di bawah, **Berjaya Sampo** akan membayar jumlah yang ditetapkan bersebelahan dengan perihalan kerugian, dengan syarat selanjutnya bahawa tidak lebih daripada satu (1) jumlah ini akan dibayar untuk **Kecelakaan** yang disebabkan oleh mana-mana satu **Kemalangan**.

PERLINDUNGAN	AMAUN MANFAAT UNTUK KAD PERNIAGAAN PLATINUM CIMB
Kehilangan nyawa	RM1,000,000
Kehilangan kedua-dua belah tangan atau kedua-dua belah kaki	RM1,000,000
Kehilangan sebelah tangan dan sebelah kaki	RM1,000,000
Kehilangan seluruh penglihatan kedua-dua belah mata	RM1,000,000
Kehilangan seluruh penglihatan sebelah mata dan sebelah tangan atau sebelah kaki	RM1,000,000
Kehilangan sebelah tangan atau sebelah kaki	RM500,000
Kehilangan seluruh penglihatan sebelah mata	RM500,000

- 2.2 Bayaran maksimum bagi semua kerugian kepada mana-mana **Orang Diinsuranskan** adalah terhad sehingga 100% daripada amaun manfaat sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat.
- 2.3 "**Kehilangan**" seperti yang digunakan di atas yang merujuk kepada tangan atau kaki bermaksud pemutusan lengkap dan kekal melalui atau di atas pergelangan tangan atau buku lali, dan yang merujuk kepada mata, "**Kehilangan**" bermaksud kehilangan penuh dan tidak dapat dipulihkan keseluruhan penglihatan pada mata tersebut. Tanggung rugi yang diberikan di bawah ini tidak akan dibayar untuk keadaan yang lebih daripada satu kehilangan yang dialami oleh **Orang Diinsuranskan** akibat daripada mana-mana satu **Kemalangan**.
- 2.4 Tidak sekali-kali salinan atau berbilang kad yang dikeluarkan oleh Pemegang Polisi kepada **Orang Diinsuranskan** mewajibkan Berjaya Sampo untuk membayar kepada **Orang Diinsuranskan** tersebut melebihi had yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat untuk apa-apa tuntutan akibat daripada mana-mana satu **Kemalangan** yang dilindungi oleh Bahagian ini.

3. HAD PENGUMPULAN

- 3.1 Liabiliti agregat maksimum **Berjaya Sampo** ialah RM15,000,000 bagi mana-mana satu **Kemalangan**. Sekiranya sesuatu **Kemalangan** melibatkan lebih daripada satu **Orang Diinsuranskan** dan jika had tanggung rugi tersebut tidak mencukupi untuk membayar jumlah ganti rugi penuh bagi setiap **Orang Diinsuranskan**, maka jumlah yang kena dibayar untuk setiap **Orang Diinsuranskan** akan diberi sama rata.
- 3.2 Walau bagaimanapun, jika pembelian dilakukan melalui tempahan berkumpulan (yang akan dianggap sebagai satu urusan niaga) pada Kad Pembelian, liabiliti maksimum agregat Berjaya Sampo ialah RM1,000,000.00 bagi mana-mana satu **Kemalangan**. Jika had ganti rugi tersebut tidak mencukupi untuk membayar jumlah ganti rugi penuh bagi setiap **Orang Diinsuranskan**, maka jumlah yang perlu dibayar bagi setiap **Orang Diinsuranskan** akan diberi sama rata.

4. PENDEDAHAN DAN KELENYAPAN

- 4.1 Apabila disebabkan oleh **Kemalangan** yang dilindungi oleh Polisi ini, **Orang Diinsuranskan** tidak dapat dielakkan daripada terdedah kepada elemen semulajadi dan akibat pendedahan sedemikian, mengalami kerugian yang manfaatnya dibayar di bawah ini, kerugian tersebut akan dilindungi di bawah terma Polisi ini.
- 4.2 Sekiranya tubuh **Orang Diinsuranskan** tidak ditemui dalam tempoh satu (1) tahun setelah **Pengangkut** lenyap, tenggelam atau ranap yang di dalamnya **Orang Diinsuranskan** melakukan perjalanan semasa **Kemalangan**, ia akan dianggap tertakluk kepada terma Polisi ini, bahawa **Orang Diinsuranskan** mengalami kehilangan nyawa akibat kecederaan **Tubuh** yang disebabkan oleh **Kemalangan** pada saat lenyap, tenggelam atau ranap itu.
- 4.3 Kematian **Orang Diinsuranskan** hendaklah disahkan melalui Sijil Kematian Rasmi, atau dalam hal kelenyapan akibat **Kemalangan** atau kehilangan menyeluruh **Pengangkut** oleh Mahkamah yang mengandaikan kematian.
- 4.4 Jika pada bila-bila masa selepas pembayaran dibuat oleh **Berjaya Sampo** untuk tuntutan sedemikian, **Orang Diinsuranskan** didapati masih hidup, **Orang Diinsuranskan** hendaklah membuat pengembalian penuh kepada **Berjaya Sampo**.

BAHAGIAN II – MANFAAT KESULITAN PERJALANAN

1. OPERASI PERLINDUNGAN INSURANS

Perlindungan insurans bagi **Orang Diinsuranskan** hanya akan beroperasi apabila dia sedang melakukan perjalanan dalam **Tempoh Insurans** dalam **Penerbangan Berjadual** sebagai penumpang yang membayar tambang dan apabila keseluruhan tambang udara untuk perjalanan Penerbangan Berjadual tersebut telah dicaj sepenuhnya terlebih dahulu di bawah kod kategori saudagar (MCC) 3000 hingga 3299 (Syarikat Penerbangan) atau 4511 (Pengangkut Udara, Syarikat Penerbangan) ke Kad yang disenggara oleh **Pemegang Kad** dengan **Pemegang Polisi**.

2. JADUAL MANFAAT

2.1 KELEWATAN PENERBANGAN

Sekiranya **Orang Diinsuranskan** mengesahkan **Penerbangan Berjadual** telah ditangguhkan dan tiada alternatif pengangkutan seterusnya disediakan kepada **Orang Diinsuranskan** lebih dari empat (4) jam waktu pelepasan sebenar **Penerbangan Berjadual**, **Berjaya Sampo** akan menanggung rugi perbelanjaan tambahan sebenar yang perlu dan secara munasabah ditanggung untuk penginapan di **Hotel** dan makanan dan sajian ringan di restoran, sehingga had maksimum seperti yang dinyatakan dalam **Had Indemniti** dengan syarat **Orang Diinsuranskan** telah berada di lapangan terbang pada waktu penangguhan penerbangan tersebut.

2.2 TERLEPAS PENERBANGAN SAMBUNGAN

Sekiranya **Orang Diinsuranskan** terlepas **Penerbangan Berjadual** sambungan yang telah disahkan di tempat pemindahan kerana kelewatan **Penerbangan Berjadual** sambungan **Orang Diinsuranskan** yang disahkan dan tiada pengangkutan alternatif seterusnya disediakan kepada **Orang Diinsuranskan** lebih dari empat (4) jam daripada masa ketibaan sebenar penerbangan masuknya, **Berjaya Sampo** akan menanggung rugi perbelanjaan tambahan sebenar yang perlu dan secara munasabah ditanggung untuk penginapan di **Hotel** dan makanan dan sajian ringan di restoran, sehingga had maksimum sebagaimana dinyatakan dalam **Had Indemniti** dengan syarat **Orang Diinsuranskan** telah berada di lapangan terbang pada waktu dia terlepas penerbangan sambungan itu.

2.3 TERLEPAS PENERBANGAN PELEPASAN

Sekiranya **Orang Diinsuranskan** terlepas **Penerbangan Berjadual** yang telah disahkan akibat kerosakan mekanikal **Pengangkutan Awam** yang gagal membawa **Orang Diinsuranskan** ke pelabuhan atau lapangan terbang seperti yang dinyatakan dalam tiket **Orang Diinsuranskan**, **Berjaya Sampo** akan menanggung rugi tambahan perbelanjaan sebenar yang perlu dan secara munasabah ditanggung untuk penginapan di **Hotel** dan makanan dan sajian ringan di restoran, sehingga had maksimum seperti yang ditentukan dalam **Had Indemniti**, dengan syarat **Orang Diinsuranskan** mesti mendapatkan pengesahan mengenai kerosakan mekanikal secara bertulis oleh pengendali **Pengangkutan Awam** atau ejen pengendalian mereka.

2.4 KELEWATAN BAGASI PENERBANGAN DIIRINGI

Sekiranya penerbangan bagasi diiringi yang sudah didaftar masuk oleh **Orang Diinsuranskan** tidak dihantar kepadanya lebih dari enam (6) jam daripada ketibaan sebenar **Orang Diinsuranskan** ke destinasi di **Luar Negara** yang dijadualkan oleh **Penerbangan Berjadualnya**, **Berjaya Sampo** akan menanggung rugi perbelanjaan tambahan sebenar yang perlu dan secara munasabah ditanggung di destinasi yang dijadualkan di **Luar Negara** sedemikian untuk pembelian kecemasan pakaian dan kelengkapan dandanan diri yang penting hingga had maksimum seperti yang ditentukan dalam **Had Indemniti**, dengan syarat bahawa bagasi penerbangan itu telah didaftar masuk oleh pegawai Pengangkut udara yang diberi kuasa yang dengannya **Orang Diinsuranskan** itu melakukan perjalanan pada masa berlakunya kejadian.

2.5 KEHILANGAN BAGASI PENERBANGAN DIIRINGI

Sekiranya bagasi penerbangan diiringi yang sudah didaftar masuk oleh **Orang Diinsuranskan** tidak dihantar kepadanya lebih dari empat puluh lapan (48) jam daripada ketibaan **Orang Diinsuranskan** ke destinasi **Luar Negara** yang dijadualkan dalam **Penerbangan Berjadualnya**, bagasi tersebut akan dianggap hilang secara kekal dan **Berjaya Sampo** akan menanggung rugi perbelanjaan tambahan yang perlu dan secara munasabahnya ditanggung dalam tempoh empat (4) hari di destinasi yang Dijadualkan itu untuk pembelian kecemasan pakaian dan kelengkapan dandanan diri yang penting, sehingga had maksimum seperti yang ditentukan dalam **Had Indemniti**, dengan syarat bahawa bagasi yang dianggap hilang telah diperiksa oleh seorang pegawai Pengangkut udara yang diberi kuasa apabila **Orang Diinsuranskan** sedang dalam perjalanan pada masa kejadian.

3. HAD INDEMNITI

PERBELANJAAN YANG PERLU DAN SECARA MUNASABAH DITANGGUNG AKIBAT DARIPADA:	AMAUN MANFAAT UNTUK KAD PERNIAGAAN PLATINUM CIMB
Kelewatan penerbangan lebih dari 4 jam	RM1,000
Terlepas penerbangan sambungan lebih dari 4 jam	RM1,000
Terlepas penerbangan pelepasan	RM1,000
